Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang di-sini mengemukakan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi simpatinya terhadap Kementerian ini. Boleh di-katakan keseluruhan Ahli yang berchakap telah pun mengemukakan supaya peruntukan bagi Kementerian ini di-tambah dan langkah² yang lebih tegas patut di-ambil oleh Kementerian ini berhubung dengan membaikkan dan melancarkan lebih ranchak-nya ranchangan² pertanian di-dalam negeri ini, sa-hingga ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan supaya pegawai² di-tambah lagi dan ada sa-orang daripada Ahli mengeshorkan sa-orang Menteri Muda di-lantek bagi Kementerian ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu sungguh pun kerja² yang di-jalankan oleh Kementerian ini di-bawah sa-orang Menteri sahaja, tetapi saya berasa tidak-lah begitu berat yang saya jalankan oleh sebab sokongan dan bantuan daripada Ahli² Yang Berhormat seluruh negeri ini telah pun di-dapati dengan baik-nya dan terutama sa-kali kerjasama daripada pegawai² di-semua jabatan di-bawah Kementerian ini telah pun di-dapati dengan baik dan sempurna-nya. Di-atas kejujuran

dan keikhlasan pegawai² yang menjalankan ranchangan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu telah menegor berkenaan dengan jawatan tiga orang Ketua Penolong Setia-usaha bagi Kementerian ini dan lima orang Penolong Setia-usaha katanya ini ada-lah terlampau banyak dan patut di-kurangkan. Saya suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu tiga Ketua Penolong Setia-usaha dan lima Penolong Setia-usaha itu bukan-nya terlalu banyak bahkan difikirkan sangat berkurangan, dengan sebab jabatan yang dudok di-bawah Kementerian ini pada masa sekarang ini boleh di-katakan bukan-nya 7, bukan-nya 5. Pada masa yang sudah lima jabatan sahaja ia-itu Pertanian, Parit dan Taliayer, Haiwan, Perikanan dan Sharikat Kerjasama di-tambah pula dua yang baharu ia-itu Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian dan Lembaga Proses Makanan. Saya suka hendak menegaskan lagi ia-itu Kementerian ini integrated Ministry dan tiga orang Ketua Penolong Setia-usaha itu mengambil bahagian masing² sa-orang menjaga masaalah kewangan, sa-orang pentadbiran dan chuma sa-orang sahaja yang dapat menumpukan kepada ranchangan dan kemajuan. Saya fikir sa-orang untuk Ranchangan dan Kemajuan ini ada-lah sedikit, patut di-tambah sa-orang lagi tetapi dengan sebab keadaan kewangan sekarang merosot tidak-lah saya membuat permintaan itu.

Lima orang Penolong Setia-usaha itu juga saya memikirkan kecil dengan sebab saya sebutkan tadi, tujuh Bahagian di-bawah Kementerian ini dan sa-lain daripada mengambil tempat kepada tiap² Bahagian itu, ada diantara Penolong² Setia-usaha itu terpaksa menghadziri meshuarat² antara bangsa, sama ada di-Rome dan lain² lagi. Jadi saya sendiri merasa jawatan ini ada-lah terlalu kecil dan barangkali pada masa yang akan datang saya terpaksa meminta tambahan bukan pengurangan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor berkenaan dengan Pegawai

Pertanian Negeri telah pun menyalahgunakan buroh bagi kawasan rumahnya. Tuduhan² ini, sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh-nya, ada-lah surat yang di-hantar sa-chara layangan tidak bertanda-tangan dan sa-bagai-nya. Jadi dengan sebab itu sudah bagi saya untuk mengambil langkah berkenaan dengan ini. Walau macham mana pun sa-belum daripada Ahli itu mengemukakan di-dalam Dewan ini saya telah mendapat surat layangan itu dan saya telah pun mengambil langkah memementah Pengarah Pertanian supaya menjalankan siasatan berkenaan dengan ini. Sa-kira-nya perkara ini benar maka langkah² yang tertentu akan di-ambil terhadap pegawai yang tersebut.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu kepada saya siasatan itu?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ahli Yang Berhormat daripada Batu juga telah menegor berkenaan dengan kemajuan² yang di-jalankan berkenaan dengan menanam sa-mula dengan membaiki masaalah kelapa dalam negeri ini. Berkenaan dengan ini, saya suka-lah menegaskan ia-itu di-bawah Ranchangan Malaya yang Kedua, \$873,000 telah pun di-belanjakan berkenaan dengan ranchangan ini dengan memberi \$100 pada tiap² sa-ekar dan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-lah \$1.5 juta. Ini ia-lah untuk menanam sa-mula dusun² tua yang ada di-dalam negeri ini.

Berkenaan dengan menanam sa-mula dan memperbaiki kebun² kelapa, ini tidak-lah bermaksud untuk memenoh seluruh kebun² kelapa di-dalam negeri ini. Jumlah kebun² kelapa yang tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik atau pun yang telah tua dan rosak, ini sahaja yang kita akan baiki ia-itu di-anggarkan jumlah-nya lebeh kurang 36,000 ekar di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Tujuan kita di-dalam Ranchangan ini ia-lah untuk menambahkan pendapatan bagi pekebun² kelapa itu sa-hingga kepada \$300 membawa \$400 bagi tiap² bulan. Dalam Ranchangan ini kita telah

menyuroh ra'ayat atau petani² itu menanam jenis² tanaman lain sa-umpama pisang, jagong dan lain² sa-bagai tanaman selingan dan ini ada-lah menambah pendapatan mereka daripada satu masa ka-satu masa.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor berkenaan dengan

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification. If I understood the Honourable Minister correctly—and I hope he does not think that I am trying to interrupt him, because this is for my edification—he has told us that in the First Malaysia Plan it is proposed to replant only 36,000 acres of coconut holdings. In my speech I pointed out to him that there are 420,000 acres of coconut holdings. Is the Honourable Minister telling us in this House that out of these 420,000 acres of coconut holdings—and these are the figures that I culled from the Statistics Department's Report for 1964—only 36,000 acres need replanting and that the rest are all in a healthy condition, not diseaseridden and producing their full quota of fruits?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, dalam menjalankan Rancangan Penanaman Sa-mula Kelapa ini pihak Kementerian ini telah menjalankan lain daripada rancangan yang lain sa-umpama rancangan menanam sa-mula getah dan lain². Di-bawah Rancangan Menanam Sa-mula Kelapa pihak Kerajaan menentukan satu² tempat yang akan di-baiki, umpama-nya kawasan Batu Pahat, kawasan Bagan Datoh atau kawasan Kuala Selangor dan lain² lagi. Pihak Kerajaan menyediakan pegawai² untuk menguruskan dan menyaksikan sendiri penanaman sa-mula atau lain² usaha berkenaan dengan membaiki tanah². Pihak Kementerian Pertanian dan Shari'at Kerjasama mengawal daripada mula sa-hingga pada akhir dengan sebab kita tidak mahu sa-bagaimana ada di-antara Ahli² Yang Berhormat berchakap, kadang² beneh yang digunakan tidak baik, kadang² bantuan tidak di-gunakan dengan baik dan sa-bagai-nya. Maka dengan sebab itu

usaha kita yang pertama di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama kita untukkan chuma bagi 36,000 ekar sahaja dan sa-lepas itu atau pun kalau sa-kira-nya di-dalam masa lima tahun ini di-dapati kita boleh mengembangkan lagi rancangan ini maka kita akan berbuat demikian tetapi dengan keadaan² yang ada pada hari ini pihak Jabatan Pertanian memikirkan 36,000 sahaja yang dapat di-jalankan di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama.

Di-bawah Pechahan-kepala 145, Ahli Yang Berhormat daripada Batu juga telah menegor ia-itu tidak-lah chuma jamban² sahaja di-adakan untuk pekerja² IMG tetapi hendak-lah di-beri rumah yang baik. Dalam masaalah ini pihak Kementerian dan juga Kerajaan ada-lah berikhtiar dari satu masa ka-satu masa, untuk mengadakan rumah² yang baik bagi pekerja² yang ada di-dalam negeri ini. Pekerja² IMG dalam Pusat² Pertanian bukan sahaja di-beri rumah² dan juga facilities yang baik tetapi juga di-beri kawasan tanah untuk menanam sayuran dan menanam jenis² barang² lain untuk keperluan harian.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegorkan ia-itu dalam ucapan saya sa-masa mengemukakan perbelanjaan ini tidak menyentuh berkenaan dengan banjir dan kata-nya tidak-kah perkara ini ada terkait di-dalam hati saya dan tidak-lah saya mengambil berat dalam masaalah ini. Beliau menyatakan bagaimana penderitaan penduduk² yang ada di-dalam negeri Kelantan. Saya suka-lah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu perkara banjir ini bukanlah beliau sahaja yang mengambil berat, bahkan saya perchaya tiap² Ahli Dewan Ra'ayat yang ada dalam Dewan ini dan tiap² ra'ayat yang ada dalam negeri ini ada-lah mengambil berat dan bersimpati dengan keadaan yang berlaku itu. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kawasan saya sendiri telah pun kena banjir ini, dan saya perchaya ta' kurang daripada 300 buah rumah telah pun binasa. Jadi, dalam masaalah ini pihak Kerajaan ada-lah menjalankan segala daya-upaya untuk membaiki dan memuleh sa-mula penghidupan ra'ayat² yang telah menjadi mangsa banjir itu.

Beliau juga telah menyentuhkan pegawai² di-bawah Jabatan Taliayer, mengatakan pehak Kerajaan bukan hendak menambah, tetapi mengurangkan. Ini tidak-lah benar, dengan sebab, pegawai di-bawah Jabatan D.I.D. tidak di-tambah dan tidak di-kurangkan, chuma di-tukar tempat sahaja. Kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu menyaksikan di-bawah Anggaran Perbelanjaan itu, dalam tahun 1966 di-bawah ordinary P.E., 174 dan dalam tahun 1967 di-bawah ordinary P.E., 170, ia-itu kurang empat orang. Tetapi P.E. for development; dalam tahun 1966, 33 orang dan tahun 1967 37 orang, bertambah empat orang. Jadi, ini ada-lah perubahan tempat sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah menegor ia-itu saya chuma menggambarkan kebaikan perjalanan Sharikat Kerjasama di-dalam negeri ini. Dan beliau telah pun menegor, ia-itu dalam masa Meshuarat Sharikat Kerjasama Polis di-Raja Malaysia, telah pun di-hadiri oleh sa-orang Pegawai Sharikat Kerjasama, dan pegawai itu tidak menegor atau memberi nasehat berkenaan dengan pembelian dan penjualan saham² itu. Saya suka-lah menegaskan di-sini, ia-itu dalam Meshuarat Sharikat Kerjasama Polis di-Raja itu, pada 8 haribulan December, 1965 dan 10 haribulan December, 1966 itu, telah pun di-hadiri oleh pegawai² daripada Jabatan Sharikat Kerjasama, dan tidak-lah benar mengatakan pegawai² itu tidak memberi tegoran atau nasehat kerana pegawai² itu telah pun memberi tegoran dan nasehat, tetapi nasehat dan tegoran itu tidak di-indahkan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah menegor berkenaan dengan perjalanan dan perbelanjaan bagi "Resettlement of Special Constable", yang mana tinggi, kata-nya, dan perbelanjaan itu tidak-lah sa-timbang dengan usaha dan langkah² untuk mengutip kembali hutang² yang ada pada "Special Constable" itu. Sa-benar-nya kerja dan tugas jabatan ini bukan-lah sa-takat mengutip hutang lama, tetapi kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu perhati di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini, ada di-sebutkan ia-itu ranchangan² bagi Special Constable lebeh kurang \$80,000 dan ranchangan² lain

lagi. Jadi, sa-lain daripada mengutip balek hutang, pejabat ini juga ada-lah bertanggung-jawab bagi mengadakan ranchangan² tambahan atau ranchangan² yang berikutan kapada Special Constable itu.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification, I do not know whether I have made myself clear when I said I do know that the function of that Unit was not only to collect money from the special constables but to do other jobs, as I have pointed out—they have to disburse certain funds. The point I sought to make yesterday was: if to collect \$1 million you spent \$300,000 then it does not make sense. What the Minister should try to do is to disperse the Unit and get the work done by other officers within his own portfolio or, as I have pointed out to him, through the various District Officers. In this way we can save the taxpayers perhaps even \$½ million.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya baharu na' sampai ka-situ sahaja. Jadi, Ahli Yang Berhormat itu telah pun mengeshorkan supaya chawangan resettlement of special constable ini di-hapuskan dan kerja²-nya di-beri atau pun dijalankan oleh pegawai² yang lain. Jadi, sa-bagaimana yang telah saya sebutkan kapada Ahli Yang Berhormat tadi, pegawai² yang ada di-bawah Kementerian saya boleh di-katakan semua sudah chukup dengan kerja² yang di-tugaskan kapada mereka. Ada sa-tengah-nya, saya berani berkata ada sa-tengah daripada pegawai² itu terpaksa bekerja sa-hingga larut malam—bukan di-rumah, ada kala-nya di-office. Jadi, ada-kah patut kerja² ini pula di-tambahkan kapada pegawai² yang telah pun ada tugas dan kewajipan masing²? Kalau sa-kira-nya kerja yang di-tugaskan kewajipan-nya tidak dijalankan, besok Ahli Yang Berhormat pula menegor yang pegawai² itu tidak menjalankan tugas-nya. Jadi, dengan sebab itu saya fikir Jabatan atau Chawangan ini patut-lah di-adakan sa-hingga selesai urusan² berkenaan dengan menempatkan sa-mula mata² khas ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah bertanya sama ada wang di-untukkan kepada expert² atau pakar² itu di-gunakan dengan baik-nya, dan ada-kah pakar² ini orang yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman yang cukup. Di-sini saya suka-lah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu, ia-itu pakar² yang di-tempatkan di-bawah Kementerian saya ada-lah orang² yang benar² boleh di-katakan pakar, dengan sebab, mereka ini ada-lah orang yang berkelayakan tinggi, terutama sekali "Technical Qualification" dan mereka ini ada-lah orang² yang telah di-shor atau di-chadangkan oleh United Nations Technical Assistance Board atau Colombo Plan Organisation. Jadi, sebelum daripada mereka ini di-hantar ka-mari, curriculum detail mereka telah pun di-hantar dan telah pun di-pereksa oleh Economic Planning Unit dan oleh jabatan² yang berkenaan. Sa-hingga hari ini saya boleh katakan sangat-lah berpuas hati dengan kerja² yang di-jalankan oleh pakar² yang di-tempatkan di-bawah Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah meminta supaya Undang² Sharikat Kerjasama di-kaji sa-mula dan di-tukar peratoran-nya, daripada chuma menjalankan ranchangan single-purpose kepada multi-purpose, atau tujuan tunggal kepada anika-tujuan. Jadi, saya suka-lah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu kajian berkenaan dengan memperbaiki atau pun menggubarkan Undang² Pindaan atau pun Undang² baharu bagi Sharikat Kerjasama ada-lah sedang di-jalankan oleh Jabatan Sharikat Kerjasama ini. Dan ada-lah menjadi dasar di-jalankan oleh Jabatan Sharikat Kerjasama ini. Dan ada-lah menjadi dasar Kementerian saya dan juga Jabatan Kerjasama, menukarkan atau membolehkan atau menggalakkan Sharikat² Kerjasama supaya menjalankan usaha dan langkah² anika-tujuan ini.

Berkenaan dengan penangkapan nelayan² daripada Tumpat oleh pehak yang berkuasa negeri Thai, maka berkenaan dengan ini, saya suka menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu,

perhubungan rapat di-antara Pegawai² Perikanan dan Pegawai² di-bawah Kementerian saya dengan Pegawai² Thai ada-lah di-buat semenjak sa-belum lagi Ahli Yang Berhormat itu berada di-dalam Dewan ini. Dan baharu² ini, pegawai² saya—pegawai haiwan telah melawat, mithal-nya ka-Hadyai, berunding dengan Pegawai² Haiwan di-Hadyai berkenaan dengan masalah ternakan. Pegawai Perikanan yang ada di-Kelantan telah juga berhubung dengan Pegawai Perikanan di-Sungai Golok dan telah pun berunding berkenaan dengan hal perikanan. Tetapi daripada satu masa ka-satu masa, kejadian² tangkap-menangkap dan lain² tidak dapat juga di-elakkan. Walau macham mana pun menguchapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah membangkitkan perkara ini, dan perkara ini akan di-binchangkan dengan Pegawai² Thai sa-masa perjumpaan akan datang ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat juga telah menegor, atau menudoh yang economist—yang pegawai ekonomi—yang ada di-F.A.M.A. itu tidak cukup kerja, atau tidak di-beri kerja yang cukup. Di-sini saya suka-lah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, sungguh pun angka 16 orang Ahli Ekonomi bagi F.A.M.A. itu nampak-nya besar, tetapi maseh lagi tidak mencukupi, kerana usaha dan kerja yang di-jalankan oleh F.A.M.A., siasatan dan kajian, bukan-lah tertumpu kepada satu dua mata benda pertanian sahaja, bahkan berpuluh².

Kajian² berkenaan dengan padi telah pun di-buat di-beberapa kawasan di-dalam negeri ini. Kajian berkenaan dengan perikanan juga telah di-buat. Kajian berkenaan dengan perusahaan buah pala, kajian berkenaan dengan lada hitam, kajian berkenaan dengan perikanan di-Sarawak dan Sabah, kajian berkenaan dengan sayor²an di-Sabah telah pun di-buat dan penyata²-nya telah pun siap, tetapi langkah² salanjut-nya akan di-jalankan daripada satu masa ka-satu masa manakala di-fikirkan mustahak.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Untok penjelasan. Saya

sedar memang-lah economist 16 orang yang ada di-F.A.M.A. itu tidak men-chukupi, tetapi apa yang saya sebutkan kelmamin ia-lah masaaalah economist yang ada itu kebanyakan-nya economist² yang maseh muda lagi dan kurang-nya arahan² yang di-beri kepada economist ini untok melancharkan kerja²-nya. Saya bersetuju-lah kalau economist ini dapat di-tambah lagi—saya bersetuju, tetapi yang telah ada itu kurang lancar kerja-nya boleh jadi kurang arahan yang di-berikan kepada economist² ini.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya sendiri

Tuan D. R. Seenivasagam (Ipoh): May I draw the attention of the House that there is no quorum. May not be constitutional.

Mr Chairman: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.23 a.m.

Sitting resumed at 11.50 a.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, korum kita tidak cukup lagi nampak-nya.

(Divisional bell rung: House counted: 26 Members present).

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh kepada Ahli dari Tumpat yang telah bersetuju sekarang ini, ia-itu 16 orang ahli ekonomi itu tidak menchukupi dan mustahak di-tambah lagi. Berkenaan dengan kekurangan arahan di-beri kepada ahli² ekonomi di-sini saya suka-lah mene-gaskan kepada ahli Yang Berhormat itu arahan yang tertentu telah pun di-beri kepada ahli² ekonomi, di-FAMA dan ahli² ekonomi itu sungguh pun pegawai² muda dan baru di-pileh tetapi mereka dengan sebab kechende-rongan mereka terhadap kepada pema-saran dan kerja² mereka dan dengan sebab keikhlasan, mereka telah pun

dapat mengadakan siasatan dan kajian yang baik dan telah pun mengemuka-kan penyata² yang baik kepada lem-baga ini. Sa-hingga hari ini saya berpuas hati dengan usaha dan kerja² yang di-jalankan oleh ahli² ekonomi di-dalam FAMA itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun menyentoh dengan panjang lebar-nya berkenaan dengan ternakan yang ada di-dalam negeri Kelantan dan beliau telah pun menegor patut dengan ranchangan memberi baka lembu kepada negeri itu. Dalam masaaalah ini, saya telah pun menjalankan perundi-ngan dengan Pengarah Haiwan dan Pengarah itu belum menyatakan kepada saya sa-hingga hari ini tidak ada aduan² yang di-datangkan oleh penter-nak² itu sendiri. Dan saya suka-lah menasehatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu jangan-lah beri lembu baka besar itu berhubung jenis dengan lembu² betina yang kechil atau pun lembu² yang muda sangat. Ini akan merosakkan lembu² yang ada di-sana. Tetapi untok mengelakkan perhubo-ngan jenis di-antara dua binatang ini, ada satu jalan lagi yang dapat di-jalankan atau yang sedang di-jalankan oleh Jabatan Haiwan ia-itu satu ranchangan yang di-namakan permanian beradas (*artificial insemination*). Ini tidak payah di-adakan perhubungan jenis tetapi boleh di-chuchok satu jenis mani itu ka-dalam lembu betina dan ini juga akan memberi hasil yang baik kepada lembu² yang ada di-dalam negeri itu. Jadi perkara itu boleh-lah Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Pegawai Haiwan yang ada di-negeri Kelantan dan saya perchaya ini dapat di-jalankan.

Wan Hassan bin Wan Daud: Untok Penjelasan. Bagaimana Yang Berhormat kata tadi tidak menerima aduan daripada pehak penternak itu sendiri dan saya rasa aduan saya ini ada-lah pada keselurohan-nya dan saya menyaksikan perkara ini sendiri dan saya juga dari kaum tani yang tahu juga hal² pertanian itu dan saya pernah menguruskan ladang² saya sendiri. Jadi itu-lah saya memberi jaminan satu chara yang di-kemukakan

oleh Menteri kita tadi, chara baru itu memang-lah perkara baik sa-kali dan chara ini kurang di-perkenalkan di-Kelantan dan saya harap ini di-perkenalkan lebeh luas lagi di-Kelantan.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi insha' Allah itu akan di-buat. Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun menerang di-dalam ucapan-nya berkenaan dengan kurang perhatian yang di-ambil oleh pegawai² terhadap ranchangan menternak di-dalam negeri Kelantan itu, dan berharap supaya pegawai² di-tambahkan lagi. Dalam masaalah ini saya suka-lah menerangkan pegawai² berkenaan dengan *extension work* ini bukan-lah di-bawah kelolaan atau kawalan Kerajaan Pusat tetapi ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Tetapi apa yang saya dapat tahu kerjasama yang penoh tidak di-dapati daripada Kerajaan Negeri Kelantan berhubung dengan Jabatan Haiwan dan ranchangan² menternak ini dengan sebab dalam satu ketika yang lepas ini satu ranchangan berkenaan dengan menternak kambing dan kambing biri² ia-itu pusat perchubaaan menternak kambing dan kambing biri² di-negeri Kelantan telah pun ditutup oleh Kerajaan Negeri Kelantan walau pun pehak saya sendiri telah meminta supaya pusat perchubaaan penternak kambing dan kambing biri² itu jangan di-tutup, tetapi dengan sebab barangkali kekurangan wang daripada Kerajaan Kelantan, dan Kerajaan Negeri Kelantan telah pun mengambil keputusan menutupkan ranchangan itu. Walau bagaimana pun, saya akan berhubung dan berunding dengan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar Kelantan berkenaan dengan ranchangan² ternakan di-dalam negeri Kelantan bagi masa yang akan datang ini.

Wan Hassan bin Wan Daud: Masaalah tempat perternakan kambing biri² itu, kalau tidak silap saya, barangkali Menteri ini bersetuju dengan saya, ia-itu tempat di-adakan ini ia-lah di-kawasan Ulu Sungai Lemar dalam kawasan Pasir Mas yang mana ayah saya sendiri pun masuk share sama dalam ranchangan perchubaaan itu.

Kalau ranchangan itu-lah di-maksudkan, yang mana ranchangan itu telah di-buat dalam satu kawasan yang luas beribu² ekar tanah, kalau tidak silap, saya pernah melawat beberapa kali di-kawasan itu kebetulan pula berhampiran dengan kebun saya, ranchangan itu sa-benar-nya gagal

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi mengatakan tanah dia, luaskah tanah dia. Itu, sampai berchakap dalam Parli-men?

Wan Hassan bin Wan Daud: Saya rasa itu tidak berbangkit barangkali. Jadi dalam perchubaaan penternakan itu termasuk lembu, kerbau dan satu pehak-nya kambing biri². Yang lembu kerbau-nya itu, saya dapati, berjaya hingga sekarang ini. Kambing biri² itu kurang berjaya kerana, mengikut pendapat saya, Tuan Pengerusi, di-Kelantan ini susah hendak menternak kambing biri² ini kerana selalu hujan, barangkali kerana itu, tidak kerana kekurangan wang, barangkali rasa saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, ranchangan perchubaaan ini ia-lah ranchangan Kerajaan bukan-nya ranchangan ayah Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*).

Wan Hassan bin Wan Daud: Kalau tidak silap saya, ranchangan yang terbesar sa-kali di-kawasan Pasir Mas Hulu, kawasan Enche' Abdul Samad ini, ranchangan ini ada-lah satu ranchangan yang di-arahkan oleh Kerajaan, tetapi di-ambil petani² sana menjadi pemegang share meletakkan kerbau-nya di-dalam kawasan itu. Tetapi ranchangan ini di-kendalikan oleh Kerajaan dengan kerjasama petani² tempatan itu barangkali, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang di-sebutkan, ranchangan ini ia-lah Pusat perchubaaan penternak kambing biri² Kerajaan semua sa-kali ada-lah hak Kerajaan, dan saya sendiri tahu ia-itu ranchangan ini tidak

dapat di-jalankan dengan sebab kekurangan wang daripada apa yang saya dapat tahu.

Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat juga telah pun menerangkan berkenaan dengan penyakit² yang terkena kapada pohon² kelapa dan minta Kementerian ini menjalankan usaha membasmi-kan-nya. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum, ia-itu manakala berlaku-nya penyakit kapada kebun² kelapa ini, peladang² ada-lah di-nasehatkan supaya mengambil langkah² yang tertentu bagi membasmi-kan penyakit² ini. Biasa-nya ubat² ada-lah di-beri oleh Pegawai Pertanian Negeri untuk di-gunakan didalam kebun² itu, dan sa-kira-nya berlaku penyakit ini dengan berat-nya, dan dalam kawasan yang luas, maka Kementerian Pertanian ada-lah menghantar bantuan² kapada peladang² itu. Sa-bagaimana yang telah di-sebutkan oleh Ahli itu penyakit yang utama sa-kali ia-lah kumbang hitam dan langkah² bagi menchegegah ini telah pun di-jalankan. Satu dari chara yang baik sa-kali ia-lah mengumpulkan kumbang ini dan di-musnahkan dan juga pokok yang terlibat dengan penyakit ini di-musnahkan juga. Ahli Yang Berhormat itu sendiri saya perchaya faham benar berkenaan dengan penyakit serangan kumbang hitam ini dan saya harap kapada Ahli Yang Berhormat itu menasehatkan peladang² yang ada di-kawasan-nya supaya menuruti contoh yang baik yang di-beri oleh beliau sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya latehan di-bawah farm mechanisation itu di-perluaskan dan beliau bertanya sama ada langkah menjalankan penanaman dengan alat moden ini akan menggalakkan penganggoran bagi masa akan datang ini. Di-sini saya suka-lah menegaskan ia-itu pada masa ini peladang² atau petani² yang mempunyai tiga empat atau lima ekar tanah itu terpaksa menjalankan usaha² mereka dengan kuderat-nya sendiri ia-itu menggunakan tajak dan sa-bagai-nya atau menggunakan kerbau, dan chara ini ada-lah sangat berat dan ada kala-nya masa tidak menchukupi terutama sa-

kali sa-kira-nya kita hendak ber-tanam dua kali sa-tahun dan sa-bagai-nya, dengan sebab itu alat moden ada-lah di-galakkan. Dan saya suka-lah menyatakan di-sini dengan petani itu menggunakan alat moden tidak akan menggalakkan penganggoran kerana petani itu juga biasa menggunakan tajak chuma menggunakan alat moden, itu sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Saya suka bertanya kapada Yang Berhormat, sa-bagai-nya yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, di-Malaysia Barat ada mempunyai surplus labour atau pun penganggoran di-kampong² yang banyak. Jadi kalau sa-kira-nya kita galakkan mechanisation atau pun bersawah dengan jentera maka tetap-lah jentera—satu jentera ini akan dapat menjalankan kerja 10 orang, akibat-nya orang yang 10 ini akan terpaksa hilang kerja mereka itu. Jadi, di-mana-kah mereka itu dapat kerja balek? Ini satu soal yang mestilah di-kaji dengan halus sa-belum farm mechanisation itu di-galakkan oleh Kerajaan. Itu maksud kami. Betul kami chukup faham bahawasa-nya petani itu mempunyai dua, tiga, empat ekar dan ia tidak dapat hendak menjalankan tugas²-nya dengan penoh kerana kekurangan kaki-tangan tetapi kaki-tangan yang banyak yang tidak dapat kerja itu, tidak boleh-kah di-gunakan untuk menjalankan kerja ini? Ini akan mendatangkan faedah dan hasil pula kapada penganggor yang duduk dalam kawasan luar bandar.

Tuan Ramli bin Omar: Itu masa penjajah lagi tetapi masa sekarang ini, saya rasa, kalau peladang² itu kata penganggor, saya rasa dalam kawasan peladang tidak bagitu, tetapi apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu masa penjajah. Masa penjajah ini-lah yang di-jalankan tetapi zaman merdeka kita berkehendakkan petani² itu menjalankan satu perubahan dengan mengadakan jentera.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat itu juga telah menyatakan supaya pegawai² penyiasatan

tanah di-tambahkan. Saya suka-lah menegaskan di-sini ia-itu usaha menyiasat dan mengkaji tanah bagi seluruh negeri Kelantan telah pun siap. Sunggoh pun begitu kerja² mengkaji tanah ini atau menyiasat tanah ini akan di-jalankan dan usaha sa-lanjutnya di-dalam negeri Kelantan akan di-jalankan bagi masa yang akan datang ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Krian Darat meminta jaminan pasaran dan juga harga kepada petani². Jadi, dalam masaalah ini sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum pehak Kerajaan telah menetapkan harga padi ia-itu G.M.P. ia-itu sa-banyak \$16 sapikul di-pintu kilang dan pehak Kerajaan akan menimbangkan perkara ini daripada sa-masa ka-samasa dan penetapan harga ini akan di-beri tahu ke-seluruh negeri sa-belum daripada usaha menanam padi di-jalankan.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya usaha² membajak dan usaha² menanam padi yang lain² di-jalankan dengan menggunakan jentera dan meminta supaya peladang² dalam negeri ini di-hantar ka-negeri² yang maju dalam pertanian, umpama-nya Taiwan, Korea, Jepun dan lain² bukan chuma sa-lama sa-bulan bahkan 6 bulan atau sa-tahun supaya pengalaman² yang di-dapati di-sana dapat digunakan di-dalam perusahaan pertanian dalam negeri ini. Ini ada-lah satu shor yang baik, dan insha'Allah saya akan memberi pertimbangan dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya banyak lagi risalah² pertanian di-keluarkan. Saya suka-lah menegaskan di-sini ia-itu sa-orang pegawai yang terlatah baharu sahaja kembali dan telah memegang chawangan itu dan insha 'Allah bagi masa yang akan datang ini banyak risalah² berkenaan dengan pertanian akan di-keluarkan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya kajian berkenaan dengan pokok² buah²an di-gantikan dengan pokok² buah²an yang baharu dibuat dan beliau juga telah mengeshor-kan supaya menyekat kemasokan

buah²an dari luar negeri dan meng-galakkan supaya ra'ayat negeri ini memakan buah²an yang di-keluarkan di-dalam negeri ini. Di-sini saya suka-lah menyatakan ia-itu pehak Kementerian ini telah pun mengadakan ranchangan berkenaan dengan menanam sa-mula dusun² tua atau pun memuleh sa-mula dusun² tua ini. Kita telah adakan dua ranchangan, satu ranchangan pemulehan dan satu ranchangan menanam sa-mula. Ini ada-lah di-jalankan di-seluruh negeri ini dan saya per-chaya ada-lah dapat kejayaan. Berkenaan dengan sekatan masuk buah²an daripada luar negeri dan di-galakkan ra'ayat makan buah²an dalam negeri ini, ini akan di-usahakan oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan berkenaan dengan banyak lembu di-jumpai di-jalan raya di-bandar Kuala Lumpur dan mengeshor-kan supaya menangkap dan menyembelih-nya. Perkhidmatan Haiwan yang bertugas supaya menggalakkan perternakan lembu², Jabatan Haiwan lagi suka jika sa-kira-nya lembu² dalam negeri kita ini meningkat banyak bilangan-nya tetapi tidak-lah berkeliaran di-bandar² atau masuk ka-kedai dan bermaharajalela. Perkara berkenaan dengan lembu di-dalam Majlis Bandaran ini ada-lah di-bawah kawalan Majlis Bandaran sendiri bukan-lah di-bawah Kementerian ini.

Beliau juga telah meminta banyak-kan lagi latehan di-dalam bahagian haiwan dan membawa jenis² binatang daripada negeri luar sa-umpama kambing gurun dan lain² lagi. Pada masa sekarang ini, saya fikir, ada-lah lebih kalau sa-kira-nya kita dapat menumpukan, pada awal, kepada jenis² binatang² yang ada dalam negeri ini. Sa-kira-nya kita telah mengembang dan membaiki jenis² binatang dalam negeri ini barangkali baharu-lah dapat kita menumpukan kepada jenis² binatang daripada luar. Berkenaan dengan latehan itu. Pejabat ini dari masa ka-samasa akan mengadakan latehan dan saya perchaya dalam tahun ini peruntukan telah bertambah bagi mengadakan latehan² berkenaan dengan menternak ini.

Beliau juga telah menegor berkenaan dengan jawatan sa-orang Pegawai Pemasaran yang ada di-Jabatan Sharikat Kerjasama dan meminta supaya pegawai itu di-tukarkan kepada FAMA sahaja.

Di-sini saya suka-lah menegaskan ia-itu tugas Pegawai Pemasaran yang ada di-Jabatan Kemajuan Kerjasama dan Pegawai Pemasaran yang ada di-FAMA ada-lah berlainan. FAMA menjalankan usaha dan menunaikan kewajipan di-dalam kawasan² yang ditentukan-nya dan di-ikhtiar oleh FAMA sa-bagai kawasan pemasaran, tetapi Pegawai yang ada di-Jabatan Kemajuan Kerjasama ini menolong, menasihati dan juga mengawas berkenaan dengan perjalanan² Sharikat² Kerjasama Pemasaran yang ada perhubungan dengan pemasaran yang ada di-dalam negeri ini—sa-umpama Sharikat Kerjasama Perikanan, Sharikat Kerjasama Kedai, Sharikat Kerjasama menjual barang² runchit dan lain². Jadi kita berkehendakkan sa-kurang²-nya sa-orang atau berdua Pegawai Pemasaran yang menasihatkan Sharikat² Kerjasama ini.

Beliau juga telah bertanya berkenaan dengan kemajuan Sharikat Kerjasama yang ada di-dalam negeri ini dan dia bertanya chara mana-kah pinjaman² di-beri dan siapa yang membuat recommendation dan lain². Saya rasa gerakan kerjasama hingga hari ini ada juga membuat kemajuan yang memuaskan. Sharikat Kerjasama yang berjumlah lebih daripada 3,000 itu ada-lah mempunyai modal daripada \$200 juta dan mengeluarkan pinjaman hampir \$100 juta. Sharikat Pinjaman di-luar bandar telah memberi pertolongan yang besar kepada petani², mithal-nya, semenjak tahun 1954 Bank Agong telah mengeluarkan pinjaman kerana mengerjakan sawah² sa-banyak lebih daripada \$20 juta. Ini berma'ana peladang telah di-selamatkan wang bunga padi kuncha lebih kurang \$200 juta itu.

Berkenaan dengan masalaah odit yang di-bangkitkan oleh ahli itu, memang sudah menjadi dasar Kerajaan ini ia-itu semua sharikat² yang mampu

ada-lah di-pinta mengambil odit luar atau private odit untuk mengodit kira² sharikat kerjasama ini.

Bahagian Kemajuan Kerjasama hanya mengodit sharikat² yang kecil² yang tidak mampu mengambil odit daripada luar dan menjalankan sia-satan atas kira² sharikat apabila di-kehendaki.

Ahli Yang Berhormat daripada Bungsar telah membangkitkan masalaah pendaftaran Sharikat Kerjasama N.U.P.W. atau Sharikat Kerjasama Pekerja² Ladang di-negeri ini. Beliau telah menuduh Kerajaan chuba menentang atau tidak mahu atau melambatkan pendaftaran Sharikat ini dan beliau juga telah membachakan keputusan² yang di-buat oleh I.L.O. berkenaan dengan perhubungan Sharikat Kerjasama dengan pekerja² dan beliau telah memberi ugutan sa-kira-nya perkara ini tidak di-bereskan akan dibawa ka-Privy Council. Jadi saya suka-lah menegaskan kepada Dewan, mengikut Undang² Sharikat² Kerjasama pendaftaran Sharikat Kerjasama adalah di-buat oleh Pesuruhjaya Sharikat² Kerjasama dan sa-kira-nya mana² orang yang tidak puas hati dengan keputusan Pejabat Sharikat Kerjasama itu boleh-lah membuat appeal kepada Menteri, kepada saya sendiri, dan keputusan yang di-beri oleh Menteri ini ada-lah mu'tamad (final). Itu adalah keputusan kuasa yang di-beri oleh Dewan ini sendiri. Jadi nampak-nya sa-belum daripada apa langkah lagi, Ahli itu juga mengugut dan mengecil² kan kuasa Dewan ini ia-itu keputusan yang di-buat oleh Menteri itu ada-lah final atau pun mu'tamad.

Berhubung dengan tuduhan-nya mengatakan kita juga atau Kementerian ini atau Jabatan ini chuba hendak menahankan pendaftaran ini dan tidak mengambil berat berkenaan dengan kedudukan pekerja², saya suka-lah menegaskan di-sini ia-itu Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Bahagian Kemajuan Kerjasama, ada-lah sangat mengambil berat berkenaan dengan kedudukan pekerja² yang ada di-ladang² getah atau pun di-ladang² di-dalam negeri ini.

Untuk pengetahuan Dewan ini, sa-banyak 205 Credit Societies atau Sharikat Kerjasama Pinjam Meminjam telah pun di-tubuhkan di-ladang di-dalam negeri ini dengan mempunyai ahli sa-banyak 17,000 orang dan mempunyai modal sa-banyak \$6.1 juta. 35 buah Sharikat Kedai Kerjasama telah pun di-tubuhkan di-dalam ladang² negeri ini dan ahli-nya ia-lah 7,000 orang modal-nya ia-lah \$1 juta. Sa-buah Sharikat Kerjasama berkenaan dengan membeli kebun telah di-tubuhkan dengan mempunyai ahli sa-banyak 40,000 orang dan modal-nya sa-banyak \$15 juta pada hari ini. Di-sini nampak-lah kepada Dewan ini ia-itu Kementerian dan Jabatan Kemajuan Kerjasama ada-lah menggalakkan pekerja² yang ada di-ladang² getah dan ladang² lain dalam negeri ini menubuhkan sharikat kerjasama mereka di-seluruh tempat, sungoh pun pada masa yang sudah² sharikat ini ada-lah di-tumpukan kepada sharikat² jimat-chermat dan pinjam meminjam, tetapi bagi masa yang akan datang ini atau sejak beberapa ketika yang lepas ini, kita telah mengubahkan dasar ini ia-itu daripada jimat chermat dan pinjam meminjam kepada anika jurusan dan ikhtiar sedang di-jalankan hari ini mengubahkan semua sharikat² kerjasama yang ada di-estate² atau pun di-ladang² itu kepada sharikat² kerjasama anika jurusan. Manakala sampai-nya permintaan yang sa-umpama itu ia-itu menubuhkan satu sharikat kerjasama untuk ahli² kesatuan pekerja² atau pun Union, jadi terpaksa-lah pihak Pejabat menimbangkan, jangan² terjadi pula *duplication* berkenaan dengan membership, sa-kira-nya sudah menjadi ahli di-dalam sharikat kerjasama di-tempat itu di-satu sharikat kerjasama datang lagi. Jadi itu boleh jadi mengelirukan.

Jadi, sa-bagaimana saya sebutkan tadi, tidak ada tujuan Jabatan ini atau pun Kementerian ini untuk menahan, menyekat, ahli² pekerja² menubuhkan sharikat² kerjasama—sa-balek-nya kita menggalakkan ahli² pekerja di-dalam sa-sabuah ladang menubuhkan sharikat² kerjasama sa-bagaimana yang saya telah buktikan hanya beberapa buah sharikat² kerjasama di-dalam negeri.

Walau macham mana pun perkara itu maseh lagi di-dalam timbangan Pesuruhjaya jadi tidak-lah saya hendak menyebutkan lebeh lanjut daripada apa yang saya sebutkan.

Ahli Yang Berhormat daripada Bungsar itu juga telah bertanya atau pun menegor berkenaan dengan Undang² Sewa Tanah dan sa-bagai-nya dan telah menyebut ia-itu sewa yang di-bayar pada masa ini ia-lah lebeh kurang di-antara sa-tengah membawa 2/3 daripada perolehan hendak di-bayar kepada tuan² tanah. Jadi sa-benar-nya ini-lah kali yang pertama saya mendengar berkenaan dengan sewa tanah meningkat sa-hingga 2/3 daripada pendapatan, yang biasa saya tahu ia-lah 20 membawa 25 peratus. Jadi berkenaan dengan Undang² ini, sa-bagaimana saya telah jawab pada masa yang sudah, ia-itu sedang di-timbangkan berkenaan dengan pindaan² kepada Undang² itu. Pihak Peguam Negara ada-lah menjalankan kajian berkenaan dengan ini, dan mengadakan perundingan dengan Kerajaan² Negeri dan saya perchaya pindaan Undang² ini akan dapat di-kemukakan pada meshuarat yang akan datang ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Krian Laut telah menyebut berkenaan dengan penyakit merah dan meminta berkenaan dengan hasil penyiasatan. Di-sini saya suka-lah menerangkan, ia-itu manakala berlaku-nya penyakit merah ini, siasatan² di-jalankan, dan pakar² daripada *International Rice Research Institute* dan juga Kementerian ini telah pun berpendapat, ia-itu penyakit merah ini ada-lah satu penyakit yang di-bawa oleh leaf-hopper, ia-itu satu jenis binatang yang ada di-Krian. Binatang ini dapat membiak dengan segera-nya dan satu chara yang dapat di-jalankan ia-lah menyiramkan ubat di-seluruh kawasan itu. Tetapi, ini ada-lah satu langkah yang sangat mahal. Dengan sebab itu chara yang baik untuk kawasan Krian ia-lah menanam padi² atau jenis padi yang tidak di-serang oleh penyakit² ini. Walau macham mana pun, pihak Jabatan Pertanian ada-lah sedang mengkaji lebeh lanjut berkenaan dengan penyakit merah yang berlaku di-beberapa tempat di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Krian Laut juga telah meminta supaya kawasan-nya, ia-itu Krian Laut, dapat di-tanam dengan padi dua kali sa-tahun. Jadi, saya berasa sukachita dan terima kaseh kepada Ahli itu, dan juga kepada petani² yang ada di-seluruh negeri ini yang telah menyambut baik berkenaan dengan penanaman padi dua kali sa-tahun. Tetapi ada kawasan² yang dapat di-galakkan oleh Kerajaan, dan ada kawasan² yang tidak dapat di-galakkan oleh Kerajaan dengan sebab kekurangan ayer atau pun kekurangan perkara² yang bersangkutan dengan tanaman itu. Walau macham mana pun, saya suka-lah menerangkan kepada Ahli itu, saya telah memberi arahan kepada pegawai² Jurutera Parit dan Taliayer supaya mengkaji masaalah mengambil ayer daripada Sungei Krian dan bawa masuk ka-Parit Besar atau taliayer di-Bagan Serai itu untuk meng-ayerkan kawasan² di-sabelah Krian Laut. Kalau sa-kira-nya kajian ini berhasil, insha'Allah kita dapat memberi ayer kepada Krian Laut, dan dapat-lah Krian Laut di-tanam dengan padi dua kali sa-tahun.

Kalau sa-kira-nya kita tidak dapat ayer daripada Krian Laut, saya berdukachita menyatakan di-sini, tidak-lah dapat kita hendak menanam padi dua kali sa-tahun di-Krian Laut pada tahun ini, dengan sebab ayer di-Bukit Merah tidak dapat di-pertinggikan lagi lebeh daripada yang ada pada hari ini, dengan sebab pehak Jabatan Keretapi dan juga pehak Jabatan Parit dan Taliayer mesti-lah menentukan yang kenaikan ayer di-dalam kolam Bukit Merah itu tidak akan merosakkan jalan keretapi yang ada terbentang di-tengah kolam itu. Pehak Kerajaan telah membelanjakan berjuta² ringgit bagi meninggikan jalan keretapi itu, tetapi tanah-nya maseh belum pejal lagi, dan keras maka dengan sebab itu tidak-lah dapat kita meninggikan ayer mengikut kehendak² kita. Walau macham mana pun, insha' Allah pada tahun 1968, tidak-lah ada gendala berkenaan dengan menanam padi dua kali sa-tahun itu.

Berhubung dengan pembelaan babi oleh petani Melayu yang di-timbulkan di-dalam majallah Amerika, menimbul-

kan perselisihan di-antara kaum² Melayu dan China—parit dan kandang² babi menumpu kepada kampong² penduduk Melayu. Pembelaan babi memang di-galakkan dengan nasihat dan perkhidmatan yang di-beri oleh Jabatan Haiwan sampai berbesaran pada hari ini. Perolehan daripada babi tempatan hari ini ia-lah \$130,000,000 sa-tahun, ada-lah di-segi kawalan ladang² ternakan babi. Ini ada-lah di-dalam urusan Town Council, Village Council dan lain², di-mana Undang² membena-nya di-selenggarakan oleh Jabatan Kesihatan. Oleh itu, saya akan berikhtiar berhubung dengan Jabatan Kesihatan dan juga Local Council berhubung dengan perkara ini. Tetapi sa-baik²-nya, elok-lah Ahli Yang Berhormat itu sendiri juga berhubung dengan Town Board atau Town Council ditempat yang berkenaan itu.

Ahli daripada Kuala Langat telah pun mengeshorkan supaya di-dalam menanam sa-mula kelapa ini, jangan-lah membenarkan peladang² itu mendapatkan beneh-nya sendiri, melainkan hendak-lah beneh² itu di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian.

Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi, ranchangan penanaman sa-mula kelapa ini ada-lah di-susun dengan terator-nya oleh Jabatan Pertanian, dan beneh² yang di-beri untuk di-tanam itu ada-lah datang-nya daripada Pusat Beneh Jabatan Pertanian sendiri.

Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Selatan telah mengeshorkan supaya Yayasan Teknologi barang² makanan di-tubuhkan. Saya suka-lah menerangkan kepada Dewan ini, Kementerian saya hari ini sedang mengkaji berkenaan dengan menubuhkan Yayasan kajian hasil-mahsul pertanian di-dalam negeri ini. Jadi, sa-hingga kajian itu di-buat, tidak-lah dapat saya memberi apa² pandangan.

Beliau juga telah menyebut berkenaan dengan ranchangan² perikanan dan berharap supaya ranchangan perikanan di-Kuala Perlis itu dapat di-adakan oleh Kerajaan. Sa-bagaimana yang saya telah sebutkan baharu² ini, pehak Kerajaan telah pun bersetuju

untuk memberi pinjaman dan mengadakan ranchangan² pinjaman kepada nelayan² kecil yang ada di-dalam negeri ini. Dan saya percaya Kuala Perlis ini ada-lah termasuk di-dalam kawasan² ini, dan siasatan akan dilakukan dan ranchangan² yang tertentu insha' Allah akan dapat di-adakan.

Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Selatan telah menegor berkenaan dengan chara keahlian Sharikat² Kerjasama dan meminta supaya orang² yang bukan peladang² atau nelayan² yang tertentu juga dapat di-beri masuk menjadi ahli Sharikat² Kerjasama atau pun Persatuan² Peladang dan lain². Dalam masa-lah ini, saya suka menegaskan, Pihak Kementerian saya dan juga Kerajaan ada-lah mengalu²kan sokongan yang di-beri, atau yang dapat di-beri oleh sa-siapa sahaja terhadap pertubuhan² Sharikat Kerjasama atau pun Persatuan² Peladang. Tetapi, sa-boleh²-nya kita berkehendakkan Sharikat² Kerjasama dan Persatuan² Peladang itu di-kendali atau di-uruskan oleh peladang², nelayan², petani² itu sendiri, kerana mereka-lah yang mengetahui dengan sa-benar²-nya berkenaan dengan kekurangan, kemahuan dan sa-bagai-nya yang di-kehendaki oleh mereka, dan saya percaya, dengan pimpinan daripada Kerajaan, dan pimpinan daripada pemimpin² tempatan, insha' Allah persatuan² ini akan dapat kejayaan bagi masa akan datang.

Beliau juga telah meminta supaya mengurangkan atau menchegehah kemasokan ayam daripada luar negeri, dan juga galakan ra'ayat negeri ini membela tekukur atau pun merbok, ia-itu sa-bagai burung² yang dapat mengeluarkan suara² yang baik. Berkenaan dengan kemasokan ayam, saya suka-lah menyatakan di-sini, pihak Kerajaan telah pun mengenakan chukai berkenaan dengan kemasokan ayam, ia-itu kalau ta' silap 30 sen bagi tiap² satu pound. Berkenaan dengan galakan bela tekukur dan merbok ini, saya rasa, susah-lah sedikit bagi Kementerian saya hendak menggalakkan pembelaan burung² chuma untuk suara sahaja. Tetapi pihak Kerajaan atau Kementerian ini ada-lah menggalakkan ra'ayat atau petani² supaya membela puyoh,

ia-itu puyoh yang dapat mengeluarkan telur, dan telur puyoh ini ada-lah menjadi satu perusahaan dan makanan yang di-sukai ramai, terutama sa-kali di-dalam restaurant² yang besar², kerana, kata mereka, mengandung² hormon yang lebeh.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya Kementerian ini berhubung dengan Menteri Kewangan untuk melepaskan chukai kepada jerok² buah pala dan lain². Insha'Allah saya akan berhubung dengan Menteri tersebut berkenaan dengan ini. Ahli Yang Berhormat itu telah meminta pengakuan supaya harga padi tidak diturunkan sa-lepas daripada kita menchapai self-sufficiency, atau pun mendapat beras yang cukup untuk keperluan kita dalam tahun 1970.

Saya rasa ini ada-lah terlalu awal bagi saya untuk memberi pengakuan yang tersebut. Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Selatan juga telah meminta supaya peratoran dan undang² berkenaan dengan perikanan ini di-kuat-kuasakan dengan segera-nya. Di-sini saya suka-lah menjelaskan walau pun undang² ini telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat, tetapi belum lagi mendapat kelulusan Dewan Negara kelak, maka peratoran² berkaitan dengan undang² itu akan di-siarkan dan langkah² akan di-ambil dengan tidak menghilangkan masa.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak telah meminta supaya menambakan pegawai² Jabatan Pertanian berhubung dengan ternakan dan lain² di-negeri itu. Jadi, di-sini saya suka-lah menegaskan ia-itu Jabatan Pertanian Negeri Sarawak ada-lah dudok di-bawah Kerajaan Negeri. Walau macham mana pun, saya akan berunding dengan Ketua Menteri Sarawak dan berikhtiar menambahkan pegawai² sa-kira-nya mustahak.

Ahli daripada Kulim dan Bandar Baharu telah menyebutkan berkenaan dengan penyakit merah dan perkara itu telah pun saya jawab tadi dan satu perkara lagi berkenaan dengan membuat padi dua kali sa-tahun. Ini insha' Allah saya akan meminta Pegawai

Pertanian menyiasat dan sa-kira-nya menasabah akan di-jalankan.

Ahli daripada Melaka Selatan telah bertanya apa-kah pandangan dan tindakan Kementerian ini berkenaan dengan satu siaran di-dalam majallah Amerika Sharikat ia-itu petani Malayu menternak babi dan patut-lah Kementerian ini membuat bantahan kapada Kerajaan Amerika Sharikat. Berhubung dengan perkara ini, saya telah membacha di-dalam akhbar ia-itu majallah itu sendiri dan juga pegawai USIS telah pun meminta ma'af kapada petani Melayu itu dan kapada petani² yang lain dan sanggup pula meminta ma'af kapada petani² yang lain dan sanggup pula meminta ma'af kapada sa-siapa juga yang menyampaikan bantahan itu. Jadi, saya rasa tindakan sa-takat ini pada masa ini ada-lah menchukupi.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengeshorkan supaya chawangan penempatan sa-mula mata² khas diubah kapada Kementerian Kemajuan Negara dan Luar Bandar. Ini ada-lah terpulung kapada Timbalan Perdana Menteri sendiri memikirkannya. Ahli itu juga telah meminta supaya Rancangan Menanam Sa-mula Kelapa di-lanjutkan ka-Merlimau. Ini akan di-kaji oleh pegawai² daripada Jabatan Pertanian.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menerangkan berkenaan dengan kekurangan ayer di-sawah Merlimau Tengah Padang dan mengeshorkan supaya sawah² yang kurang daripada 100 ekar di-larang daripada bertanam padi. Di-atas perkara ini, susah-lah bagi Kementerian ini, atau pun saya sendiri hendak melarang ra'ayat daripada bertanam padi dengan sebab ada pada tempat²-nya walau pun 100 ekar boleh mengeluarkan hasil yang baik dan boleh memberi faedah yang baik dan sa-kira-nya tanah itu tanah lembah, maka tidak dapat di-tanam dengan jenis tananam yang lain, melainkan padi. Kalau sa-kira-nya kita melarang daripada menanam padi, berma'ana-lah tanah itu akan tinggal begitu sahaja dengan tidak dapat di-gunakan. Ini ada-lah terpulung kapada satu² tempat dan perkara itu sa-kira-nya berlaku di-

kawasan Ahli Yang Berhormat itu sendiri, perkara itu dapat-lah di-rundingkan dengan pegawai² yang ada di-sana. Ahli Yang Berhormat itu juga berasa dukachita di-atas tuduhan² yang sharikat kerjasama tidak mendapat kejayaan dan beliau mengeshorkan supaya sharikat kerjasama di-jadikan Sharikat Kerjasama Anika Ragam. Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi ini ada-lah tujuan dan chita² Kerajaan dan Ahli Yang Berhormat itu sa-bagai sa-orang yang kuat di-dalam sharikat kerjasama, saya berharap akan dapat memberi kerjasama menuju ka-arrah tujuan² ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor sedikit sa-banyak berkenaan dengan chara² ranchangan FAMA yang hendak di-jalankan dan mendapat tentang dan sa-bagai-nya. Di-sini saya suka-lah menegaskan ia-itu ranchangan² FAMA yang saya lancharkan pada pagi kelmarin atau pada tengah hari kelmarin ada-lah mendapat sokongan dan persetujuan daripada Kerajaan dan ranchangan² itu juga ada-lah mendapat sokongan daripada semua ahli² Cabinet, atau Menteri dan saya per-chaya akan dapat di-jalankan dengan lancar-nya pada masa yang akan datang ini. Ahli Yang Berhormat itu telah juga mengeshorkan supaya pehak Kementerian menjalankan ranchangan mengadakan bantuan kapada nelayan² di-Kuala Linggi. Beliau telah pun berchakap bagi pehak rakan-nya, ia-itu Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Utara. Jadi, di-sini saya suka-lah menegaskan kapada beliau atau memberitahu kapada Yang Berhormat daripada Melaka Utara, kalau tidak silap, telah pun berhubung dengan saya di-dalam masaalah ini dan pehak Kerajaan telah pun bersetuju memberi bantuan pinjaman sa-banyak \$70,000 dan pinjaman itu akan di-serahkan kapada Sharikat Nelayan Kuala Linggi pada hari Sabtu yang akan datang—pada hari Sabtu, 11 haribulan ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol telah meneggor berkenaan dengan muka 100 ia-itu research berkenaan dengan perikanan dan beliau menyatakan dalam banyak kolam² ikan ada ikan² haruan yang memakan anak²

ikan dan sa-bagai-nya. Di-sini saya suka-lah menyatakan perkara research yang ada di-dalam estimate itu ia-lah research yang di-jalankan oleh pegawai² Kerajaan di-Pusat² Penyelidikan Perikanan yang di-sediakan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan ikan haruan makan anak dan sa-bagai-nya, di-sini saya rasa ada-lah lebeh tanggung-jawab itu terletak kepada penternak² itu sendiri, atau petani² itu sendiri dan juga Persatuan² Peladang yang ada di-dalam kampong itu untuk mengawasi dan menjaga masaalah ini. Walau macham mana pun pehak pegawai Jabatan Perikanan akan mengambil berat berkenaan dengan masaalah² ini.

Beliau juga telah mengeshorkan supaya pehak Jabatan Perikatan ini tidak chuma mengeluarkan anak² ikan, tetapi juga mengeluarkan anak² udang, anak penyus, anak buaya, supaya dapat di-pelihara oleh petani² di-dalam negeri ini. Berkenaan dengan udang, siasatan telah pun di-jalankan dan kita telah berjaya untuk mengembangkan atau mengeluarkan anak² udang yang mana saya perchaya telah pun mula di-beri kepada petani² sedikit sa-banyak dan insha'Allah dalam tahun ini kita akan melebuhkan atau membesarkan lagi pemberian anak² udang untuk di-ternak oleh petani² itu.

Tetapi, berkenaan dengan anak penyus dan anak buaya, ini belum lagi di-jalankan oleh Kerajaan dan saya rasa buat sementara ini, pehak Jabatan Perikatan belum lagi chuba untuk memelihara anak² buaya ini, dengan sebab chukup susah untuk mendapat anak buaya dalam negeri ini.

Kita boleh mendapat anak buaya ini dengan banyak-nya daripada Sumatra, dan susah rasa-nya dapat di-sini. Tambah pula lagi, pada masa ini saya rasa tidak-lah ingin saya menjalankan ranchangan ini, takut nanti saya di-panggil Menteri Buaya.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, buaya itu ada dua macham saya takut di-kelirukan itu, buaya ayer dengan buaya darat nanti.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Sa-benar-nya, saya benchi kapada buaya darat dan saya takut kapada buaya ayer.

Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Kinta telah menyebut berkenaan dengan ranchangan mengubah sungai di-kawasan-nya dan saya berharap-lah kapada Ahli itu supaya berhubung dengan pehak yang berkuasa Negeri kerana perlombongan dan sungai itu ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Beliau juga telah meminta supaya pehak Kerajaan menggalakkan penanaman limau besar atau pun pomelos dan saya suka-lah menyatakan di-sini, perkara ini akan mendapat perhatian daripada Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu telah menegor berkenaan dengan perjalanan FAMA dan menyatakan FAMA berjalan dengan lambat-nya dan sa-bagai-nya dan mengambil masa dua tahun untuk mengadakan satu ranchangan. Tetapi yang sa-benar-nya FAMA telah pun di-tuboh bukan sa-lama dua tahun, bahkan sa-tahun empat bulan baharu.

Jadi, nampak-nya Ahli Yang Berhormat ini mengambil adat China nampak-nya kalau beranak sa-belum chukup tahun bila sampai chukup tahun, walau pun dua hari, jadi umur sa-tahun.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengeshorkan supaya pehak Kementerian ini menjalankan usaha memproseskan hasil² pertanian. Ini akan di-jalankan oleh Kerajaan dengan sebab tertuboh satu Jabatan di-bawah Kementerian ini ia-itu Food Processing Institute. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Question put, and agreed to.

The sum of \$22,264,470 for Head S. 12 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 13—

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$5,069,965 under Head S. 13, Ministry of Commerce and Industry,

stand part of the Schedule. The expenditure of my Ministry for 1967 is estimated as follows.

Personal Emoluments—\$2,975,900, Other Charges Annually Recurrent—\$1,999,891, Other Charges Special Expenditure—\$94,174, making a total of \$5,069,965. There is an overall increase of \$357,487 over the 1966 Estimates due to the establishment of offices of the Registry of Companies following the enforcement of the new Companies Act in 1965, the Standards Institution and the Trade Commissioners' offices overseas.

The personal emoluments show an increase of \$180,314, due to the expansion of the work of the Ministry.

Under Other Charges Annually Recurrent, there is an increase of \$292,405 over the provision of the last year due to:

- (1) the provision of \$250,670 as contribution to the National Productivity Council on its conversion into an autonomous body; and
- (2) increased provisions for Trade Commissioners' offices overseas, the Standards Institution, the Companies Registry, and the Trade Division in Sarawak, Transport and Travelling, Printing and Stationery.

Under Special Expenditure there is an overall decrease of \$115,232 due to no provisions being allotted for contribution to the United Nations Special Fund for local operating costs, or the Consumers' Associations, and only a token sum of \$10 has been set aside as contribution to the Federal Industrial Development Authority for administrative expenditure and reduction in the provision for furniture and equipment. Sir, I beg to move.

Tuan Sim Boon Liang (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head S. 13, Ministry of Commerce and Industry, page 119—Minister of Commerce and Industry.

Sir, I would just make a suggestion to the Ministry in respect of the dropping prices of rubber, sago flour, and

some other primary products, which hit the economic stability of our country. The Honourable Minister of Commerce and Industry should find ways to improve the prices of these products, in order to stabilise our country's economic position.

Another point is that, Sir, our country has imported approximately 50 to 60% rice from foreign countries. Though rice is unlike timber, rubber and tin, which can help to bring foreign exchange into our country, but it is still necessary for us to have sufficient local rice, which will help our country to keep our money from going out to foreign pockets. Therefore, Sir, I would like to suggest to the Honourable Minister of Commerce and Industry that his Ministry should work co-operatively with the Ministry of Agriculture and Co-operatives to consider the ways and means to produce enough local rice for the people of this country. In the long run, Sir, if we have more than enough rice, we can even export rice to foreign countries to help us gain foreign exchange.

Sir, with reference to pages 129, 130, 131 and 132, I notice that we have many trade missions established in such countries as Belgium, Pakistan, West Germany, Italy and Israel. I think, Sir, that the time has come for the Ministry of Commerce and Industry to consider closing down some trade missions if possible, of certain countries, if such countries have no real trade connection with our country. Sir, I suggest to the Honourable Minister concerned that it is wise for the Ministry to take steps to close down some of these trade missions in order to save unnecessary expenditure for the maintenance of such unhelpful trade missions.

Now, Sir, I would like to touch on page 133—Trade Division, Sarawak, Items (274) and (275)—Assistant Controller and Divisional Supplies Officers. Sir, I would like to suggest to the Honourable Minister to instruct his officers in Sarawak, when releasing Government stockpile rice, that it is necessary to

release them also to traders in all districts and sub-districts in the five divisions of Sarawak, and not only releasing rice to a few wholesalers in the divisional headquarters. In this way, Sir, I am sure the price of rice will come down instead of going up. As you know Sir, the price of rice has gone up to \$2.10 or \$2.40 a gantang in Sarawak, especially in the outstations. Therefore, Sir, I would suggest that the prices of rice and sundry goods in Sarawak should be controlled, otherwise the poor people in the kampong and long houses will suffer more because as you know these people will have to buy dearer goods for their daily needs. Thank you, Sir.

Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I wish to make my observations under Head S. 13, page 127, Sarawak—in respect of the Assistant Registrar of Companies, and page 137, Sarawak, in respect of the Registry of Trade Marks and Patents. Sir, since Malaysia, these two Departments were under the Registrar-General Office in Sarawak, but now they are placed within the portfolio of Ministry of Commerce and Industry. I welcome this change as both Departments concerned commerce and industry, and the change-over is proper and appropriate, as they will be better looked after.

Sir, I wish to touch on Head S. 13, page 133, Trade Division, Sarawak. Since the establishment of the Commerce and Industry Division in Sarawak, it was headed by an officer seconded from Malaya, but it was not so efficient and there was a lot of complaints against the Ministry from trade and industries when the Honourable Minister of Commerce and Industry visited Sarawak in 1965. However, when the Honourable Minister again visited Sarawak last year, there was general satisfaction expressed by the trade and industries regarding the work of the Ministry, which was then headed by a local officer. This shows that Borneonisation can be implemented in Sarawak by gradual stages, whenever suitable local officers are available. Another thing, Sir, should be stressed is that whenever an officer is sent to

Sarawak from Malaya, it must be the right type of person, so as to inspire efficient administration in Sarawak.

Sir, I wish also to touch on S. 13, page 122—Tourism Division. In order to place Sarawak on the map of tourism, it is necessary to strengthen and enlarge the existing organisation there and that means more allocation of funds is required for the purpose. As a rule, tourists are always in a hurry and they want to see more things in a shorter period of time. One of the attractions in Sarawak is the long house of a Dayak or Iban which is usually situated a long distance away from the State Capital, Kuching. So, it is expedient to build a model long house in a suitable locality near Kuching to attract tourists, who could be shown around the long-house, and be informed of the way of life of the Dayak and Iban. Another point, Sir, it is necessary to have well-trained tourists guides, who are able to explain to the tourists, giving them historical backgrounds of what they might see on the tour. In Sarawak, we have one of the best museums in this part of the world, and we have natural beauty and places of interest to show the tourists. If more encouragement is forthcoming from the Central Government, I am sure Sarawak can be put on the map of tourism.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan pada pukul 4 petang.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

Mr (Deputy) Speaker in the Chair

THE SUPPLY (1967) BILL

House immediately resolves itself into Committee of Supply.

Head S. 13—

Debate resumed.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, di-sini saya bersama² hendak mengambil bahagian untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Perdagangan yang di-bentangkan

pada hari ini. Terutama-nya saya hendak menyentoh di-dalam muka 119 ia-itu berhubung dengan jawatan yang telah di-kosongkan oleh Menteri Muda Perdagangan.

Tuan Pengerusi, saya tidak faham mengapa agak-nya jawatan ini telah di-kosongkan, kalau tidak silap saya, sa-lama dua tahun yang lalu. Ada-kah ini satu langkah daripada Kerajaan hendak berjimat chermat daripada segi kewangan atau pun di-fikirkan tidak ada orang yang layak yang akan dapat memegang jawatan ini? Tuan Pengerusi, di-sini saya suka mengshorkan kepada Kerajaan supaya dapat menimbangkan jawatan Menteri Muda Perdagangan ini, terutama-nya kalau dapat kita pilih yang terdiri daripada orang² Melayu atau bumiputera kerana kita sedia ma'alum bahawa kedudukan orang² Melayu atau pun bumiputera di-dalam Malaysia ini ada-lah sangat² jauh dan mundor di-dalam segi perdagangan dan saya perchaya dengan ada-nya orang Melayu atau bumiputera yang akan memegang jawatan di-dalam Kementerian ini, akan dapat membantu serta mengusahakan, menolong Menteri Perdagangan ini untuk memajukan lebeh lagi orang² Melayu dan bumiputera di-dalam negeri ini di-dalam lapangan perdagangan.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu dalam muka 121 ya'ani berkenaan dengan Bahagian Kemajuan Perusahaan. Di-sini kita sedia ma'alum bahawa di-dalam bandar² besar di-seluruh Malaysia ini banyak-lah perusahaan² yang telah di-dirikan. Tetapi saya suka memberikan pandangan, kalau boleh Kementerian ini dapat memberi satu galakan bagi membena kilang² perusahaan di-dalam kawasan² luar bandar. Kilang² perusahaan di-dalam kawasan² luar bandar ini, Tuan Pengerusi, saya rasa, mustahak kerana dengan ada-nya kilang² perusahaan ini di-dalam kawasan² luar bandar akan dapat memberi pertolongan kepada pemuda² yang menganggor untuk mencari pekerjaan di-dalam bandar². Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, juga akan dapat meninggikan dan memajukan kawasan² luar bandar itu sa-bagaimana kawasan² dalam bandar.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu pula saya pergi kapada muka 123 ia-itu berkenaan dengan Bahagian Perdagangan ya'ani Pengawal, Bahagian Perdagangan. Ini saya hendak berchakap berhubung dengan ada-nya serba sedikit kenaikan chukai² yang telah dibuat, oleh kerana pada masa ini ahli² perniagaan dan perdagangan dalam negeri ini, terutama-nya dalam kawasan² luar bandar, sedang mengambil peluang dan mengambil kesempatan bagi menaikkan harga² dagangan-nya walau pun barang² itu tidak ada kena-mengena dengan chukai yang telah dikenakan oleh Kerajaan. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya harap sangat-lah kapada Yang Berhormat Menteri Perdagangan ini mengambil satu daya utama bagi mengawal sa-bberapa yang boleh supaya mereka ini jangan mengambil kesempatan di-samping Kerajaan berkehendakkan wang maka mereka ini telah mengambil peluang bagi menekan kapada ra'ayat yang tidak begitu faham harga² dagangan yang di-tentukan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, kemudian saya masuk pula kapada muka 125 ia-itu berkenaan dengan Pendaftaran Chap Dagangan. Berhubung dengan pendaftaran chap dagangan ini, Tuan Pengerusi, kita dapat-lah menyaksikan dari semenjak kita belum Merdeka dahulu bahawa pedagang² di-dalam negeri kita ini, sama ada di-Malaysia Barat atau pun di-Malaysia Timor, banyak yang telah menggunakan nama² tempat daripada luar negeri, mithal-nya, berkenaan hotel² atau pun bangunan² yang di-beri nama Naking Hotel, Peking Hotel. Ini semua tidak-lah kita bertujuan untuk menyekat kapada ahli² perdagangan ini untuk menggunakan nama² luar negeri tetapi bagi menambah rasa kemesraan kita, ra'ayat yang ada di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor ini, saya suka-lah mengshorkan supaya Kementerian itu dapat menggalakkan beberapa banyak nama² bandar yang ada di-Malaysia Timor sana untuk di-jadikan simbol perdagangan di-dalam negara ini. Mithal-nya, hotel² boleh di-namakan Jesselton Hotel, Kuching Hotel, Sibu Hotel dan lain² dan begitu juga kapada pedagang² yang

ada di-Malaysia Timor sana patut-lah juga mengambil nama negeri² yang ada di-dalam Malaysia Barat ini sa-bagai satu tanda kaseh mesra di-antara kedua² buah negeri yang menjadi satu ya'ani Malaysia Timor dan Malaysia Barat supaya dapat lebih lagi perasaan kaseh mesra di-antara kedua buah negeri yang berjauhan itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, di-sini suka saya menchadangkan pula, kalau boleh, supaya dapat Kementerian ini buat satu syarat di-dalam menerima pendaftaran perdagangan. Ini supaya dapat tiap² ahli perniagaan menggunakan bahasa kebangsaan di-dalam papan² tanda atau pun kepada chap² perdagangan itu. Ini bukan-lah tujuan kita hendak memaksa pedagang² itu menggunakan bahasa kebangsaan tetapi ia-lah satu galakan, satu daya utama dan satu chara yang sangat baik supaya mereka² itu tidak berdegil, tidak mahu langsung menggunakan bahasa kebangsaan. Tuan Pengerusi, perkara ini saya rasa sangat-lah patut dan mustahak sangat, kerana tahun ini ada-lah merupakan satu tahun bagi kita memahkotakan bahasa kebangsaan kita di-dalam Malaysia Barat ini. Jadi, perkara yang sa-rupa ini, saya fikir, sudah-lah sampai masa-nya bahawa Yang Berhormat Menteri ini mengambil berat di-dalam masaalah² yang sa-rupa ini. Tetapi saya harap jangan-lah menjadi salah faham kepada Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini merupakan satu paksaan kepada mereka itu tetapi kita gunakan pujok rayu kita, kita gunakan segala helah kita supaya mereka itu insaf dan sadar yang mana mereka itu tinggal di-dalam Malaysia ini mesti-lah sanggup menggunakan bahasa kebangsaan kita.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja dalam bahathan mengenai S. 13 ia-itu Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini.

Tuan Pengerusi, dalam muka 134, Pechahan-kepala 7—Perbelanjaan Bahagian Pelanchongan. Tuan Pengerusi, walau pun tiap² kali meshuarat Dewan ini kedengaran suara² supaya meluas-

kan lagi perusahaan pelanchongan ini, kerana bagaimana kita sedia ma'alum bahawa perusahaan pelanchongan ini satu perusahaan yang mendapat keuntungan yang besar, tetapi nampaknya dalam peruntukan pada tahun ini peruntukan bagi Bahagian Pelanchongan ini telah di-kurangkan dan kekurangan itu terlampau banyak. Peruntukan² yang lain banyak di-tambahkan tetapi peruntukan bagi pelanchongan ini telah di-kurangkan lebih kurang \$50,000 walau pun ada tambahan di-muka 139 tetapi ini hanya-lah sedikit sangat hanya-lah bertambah sa-banyak \$20,000 sahaja sedangkan kekurangan di-sini sa-banyak \$50,000 lebih. Jadi, saya harap-lah supaya pihak Kementerian ini berusaha saboleh²-nya untuk meluaskan lagi perusahaan pelanchongan di-negara kita ini, terutama mengadakan publicity di-luar² negeri untuk menarek pelanchongan² ka-negara kita ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang saya ingin tahu dalam muka 134 juga, pada tahun lepas di-adakan peruntukan token sa-banyak \$10.00 bagi Kursus Teknik bagi kontrektor² Melayu. Saya ingin-lah mendapat penjelasan daripada pihak Menteri yang berkenaan sa-takat mana-kah kejayaan dan kelancharan perjalanan kursus ini, apa-kah hasil-nya yang dapat di-kechapi oleh kontrektor² Melayu di-negeri ini?

Sadikit lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu di-muka 139—Pemberian kepada Persatuan Pengguna². Pada tahun lepas; dan memang-lah bagini adat barangkali negara kita ini, Tuan Pengerusi, sa-tiap kali Meshuarat Belanjawan ini sa-tiap kali chukai² di-naikkan, maka kita dengar-lah suara² melaong² supaya harga barang² di-turunkan. Kerana bagaimana kita tahu tadi, sa-orang Ahli Yang Berhormat telah mengatakan perdagangan telah mengambil kesempatan daripada kenaikan chukai² ini, menaikkan harga barang² yang tidak bersangkut-paut dengan kenaikan chukai itu sa-umpama barang² keperluan hari². Untuk mengatasi perkara ini maka selalu-nya timbul-lah jawatan-kuasa², sama ada di-tubuhkan oleh Kerajaan atau pun di-tubuhkan oleh orang ramai. Pada tahun lepas kita

mendengar satu persatuan di-tubuhkan ia-itu Persatuan Pengguna²—Consumers' Association—yang mana tujuan persatuan ini untuk berjuang supaya menurunkan harga barang² keperluan hari² yang mana pihak Kerajaan—pihak Kementerian ini—telah pun memberi peruntukan kepada persatuan ini sa-banyak \$10,000, tetapi peruntukan itu tahun ini tidak di-adakan lagi, dan pada 31 haribulan kelmari kita mendengar pula Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini telah mengumumkan satu penubuhan jawatan-kuasa yang di-namakan Jawatan-kuasa Mengkaji Harga Barang², yang mana tujuan jawatan-kuasa ini, mengikut pengumuman Menteri yang berkenaan itu, ia-lah untuk mengkaji harga barang² keperluan hari² supaya barang² ini tidak naik melambong tinggi. Tetapi walau macham mana sa-kali pun, persatuan demi persatuan, jawatan-kuasa dan jawatan-kuasa di-tubuhkan, nampak-nya barang² keperluan hari² itu naik juga harga-nya melambong² tinggi.

Jadi saya berharap, Tuan Pengerusi, pihak Menteri yang berkenaan dengan penubuhan jawatan-kuasa ini supaya jawatan-kuasa yang di-tubuhkan ini jangan-lah menjadi seperti Persatuan Pengguna² pada tahun lepas yang mana sa-hingga sekarang ini tidak tahu nasib-nya sama ada persatuan itu telah di-bubarkan atau pun maseh berjalan lagi dan Kerajaan turut kerugian sama sa-banyak \$10,000.

Saya ingin menyentuh sedikit sahaja lagi ia-itu-lah masalah perusahaan batek di-Kelantan, Tuan Pengerusi. Sa-tiap kali perbincangan mengenai Kementerian ini, maka timbul-lah masalah perusahaan batek di-Kelantan ia-itu hanya satu²-nya perusahaan orang² Melayu di-Kelantan di-mana perusahaan itu sekarang ini telah mendapat tentangan hebat daripada kain² batek yang di-impot dari luar² negeri. Jadi saya harap Menteri ini tolong-lah berikhtiar supaya kain² batek dari luar negeri itu tidak di-impot supaya tidak mendapat tentangan hebat kepada kain batek yang menjadi perusahaan bagi orang Melayu di-Kelantan itu.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar):
Mr Chairman, Sir, I wish to touch on the Industrial Development Division and on the Standards Institution. Sir, before I do so, I must congratulate the Honourable Minister of Finance for presenting one of the biggest and well-balanced Budgets in the history of this House. Sir, I congratulate him on the many provisions and incentives given to industry and industrial development, which are indeed most welcome at this juncture. Sir, these incentives will no doubt accelerate and expand industrial development at a far greater pace than ever. I hope the Honourable Minister of Commerce and Industry will act quickly on these new opportunities and incorporate them into his policies, so as to ensure a quicker rate of industrialisation.

Coming to the item of Industrial Development Division, Sir, I note with concern that less money has been provided this year to this very important Division. Mr Chairman, Sir, we are at the threshold of rapid industrial development and expansion. With the very hard and good work put in by the Honourable Minister of Commerce and Industry to diversify our economy, which is now bearing fruits, any relaxation to keep up the pace will be disastrous and, the many years of building and expansion will crumble. The whole world is aware of our efforts, progress and achievements (AN HONOURABLE MEMBER: "Hear, Hear"). This is not the time, Sir, to rest on our laurels but a time to consolidate our forces and efforts. I would, therefore, suggest that the expenditure under this sub-head must not be reduced or relaxed.

Sir, on the question of industrial development, I wish to point out to the Honourable the Minister that many difficulties have been encountered by would-be industrialists. These difficulties have frightened away many financiers and investors who wanted to set up factories in our country. These difficulties, Sir, arise mainly on the question of industrial sites and factory sites. Sir, normally, Local Town Councils and State Governments are usually

not experts in advising on this matter and it is always left to the town planners. For reasons best known to the local authorities, Sir, they are always reluctant in allowing factories to be set up within Council areas and also along or near highways. It has been said, Sir, that they would mar the beauty of the town and the surrounding areas. Sir, investors or would-be industrialists always have their own reasons in choosing their own sites outside the many industrial areas or estates. Sir, if the reasons given by the industrialists are sound, they should not be made to go to industrial estates. I would quote for an example on this. The manufacture of charcoal, Sir, surely will have to be near the mangrove wood and the mangrove swamps and not in one of the many industrial estates away from the source of supply.

Coming to the Standards Institution, I have this to say, Mr Chairman, Sir. As this is a comparatively new set up, would the Honourable Minister consider setting up a department to look into food and drugs? What I mean, Sir, is that all foodstuffs, whether fresh, preserve, tinned or otherwise, that are sold in the country or imported into our country must be of the minimum standard. Sir, the present laws are out of date. At the moment, subject to correction, local authorities conduct their own inspection and prosecution. To standardise the whole procedure, may I suggest that the Standards Institution takes upon itself the mandatory inspection of all foodstuffs imported and sold in this country. Sir, steps must be taken to see that such imports do not contain harmful compounds or have a high bacterial count and so on. In short, Sir, it means to set up a food and drugs administration within the Standards Institution. Lastly, Sir, the Honourable Minister of Commerce and Industry must be congratulated for bringing up the Standards Institution so very quickly. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit menyokong peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Yang pertama, saya mengalu²kan langkah Yang Berhormat Menteri mengadakan pegawai² untuk menyiasat mengenai kenaikan harga barang². Saya berharap, sa-lepas siasatan itu dijalankan, Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan kemungkinan mengadakan Undang² supaya barang² keperluan ini seperti beras, gula, minyak, tepong, garam dan lain² di-adakan harga yang tetap bagi kesemua pekedai² di-dalam Malaysia ini. Sa-kiranya pekedai² enggan hendak menetapkan price tag (harga yang tetap) akan di-adakan satu Undang² untuk mengambil langkah ka-atas mereka ini supaya jangan terjadi pada masa hadapan—kerana memang-lah pehak² perniagaan selalu-nya suka mengambil kesempatan menaikkan barang² dengan sewenang²-nya.

Yang Berhormat Menteri telah menasihatkan supaya jangan membeli barang² jikalau di-dapati di-sabuah kedai itu barang-nya mahal, patut pergi ka-kedai yang lain. Tetapi jikalau kita pergi ka-kedai yang lain, kedai itu pun harga mahal juga, oleh kerana pehak wholesaler (pemborong) menaikkan harga wholesaler, maka terpaksa-lah pekedai² yang kecil² menaikkan harga barang² ini dan mereka akan berpakat semua-nya—kalau di-sabuah kedai hanya tetap bagaimana yang di-naikkan, kedai yang lain pun harga-nya begitu juga. Jadi saya berharap-lah sa-lepas sahaja siasatan harga ini di-tetapkan, dan satu Undang² hendak-lah di-majukan untuk mengadakan satu kawalan yang rapi mengenai harga barang².

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya maseh ingat lagi sa-waktu di-soal mengenai tuntutan supaya harga padi di-naikkan kerana harga padi ini ia-lah di-bawah jagaan Kementerian ini. Jawapan yang saya dapat dahulu sa-kira-nya di-naikkan sa-ringgit harga padi, Kerajaan terpaksa menguntokkan wang sa-banyak \$5 juta sa-tahun. Pada pendapat saya jikalau Kerajaan membelanjakan sa-banyak \$5 juta untuk di-naikkan harga padi sa-ringgit tiap² pikul akan memberi galakan kepada petani² kita supaya mereka ini berusaha lebih giat lagi dan dengan sa-chara

harga padi mereka itu naik di-bandingkan dengan peruntukan modal pokok untuk membuat Parit dan Taliayer di-Ranchangan Sungai Muda, peruntukan sa-banyak \$240 juta. Jadi dengan adanya ranchangan yang sa-macam ini dan sa-balek-nya, Kerajaan menaikkan harga padi maka akan memberi galakan lebeh² lagi kepada petani² untuk berusaha lebeh giat lagi di-atas perkara ini. Saya berharap Yang Berhormat akan menimbangkan di-atas perkara ini supaya di-naikkan harga padi. Semenjak tahun 1960 harga padi tidak di-naikkan, gaji kakitangan Kerajaan sudah berapa kali naik, harga barang² sudah beberapa kali naik, tetapi harga padi tidak di-naikkan. Ini sangat tidak patut dan saya merayu sa-kali lagi kepada Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan di-atas perkara ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ia-lah muka 121—Bahagian Kemajuan Perusahaan. Di-Butterworth ada satu ranchangan hendak mendirikan sa-buah kilang membuat guni atau pun jute factory. Jadi saya berharap Yang Berhormat, sa-waktu hendak memberi lesen kepada pengusaha membuat guni ini, patut-lah di-adakan satu syarat, juga kepada sa-siapa yang hendak mengadakan atau mengambil peluang di-atas taraf perintis dengan menggunakan bahan² dari luar negeri, maka di-sharatkan mereka mesti-lah menggunakan bahan² keluaran daripada negeri kita sendiri sa-lama lima tahun mesti-lah bahan² itu daripada negeri kita; jikalau tidak, tidak akan di-beri lesen kepada mereka itu untuk membuka kilang² yang macham ini. Kerana saya dapat tahu kilang guni itu (jute factory) akan mengimpot bahan² daripada Pakistan dan juga daripada India untuk membuat guni. Jadi oleh yang demikian Kementerian yang berkenaan ini patut bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya menanam jute dalam negara kita ini. Saya dapat tahu hawa-nya sesuai untuk menanam jute sa-chara besar²an dalam tempoh lima tahun tidak payah factory yang di-chadangkan ini mengimpot bahan² daripada luar negeri. Kerana saya dapat tahu, kita semua tahu, mengenai kilang gula yang di-

adakan itu sama ada di-sharatkan supaya kilang ini berusaha menanam tebu sendiri atau tidak, saya tidak tahu, dan saya berharap sa-barang yang akan di-adakan dalam negara kita ini menggunakan bahan² luar, patut-lah di-beri satu masa yang tetap supaya mereka menggunakan barang² daripada dalam negeri juga.

Mengenai kemasokan barang², Tuan Pengerusi, saya berasa terkejut melihat satu laporan ia-itu kemasokan barang² makanan ka-dalam negara kita ini berlebeh²an daripada yang patut. Mengikut laporan yang ada di-tangan saya—The Development of Farmers Associations in Malaysia as a unit for extension programme, planning and implementation of agricultural projects." Di-sini ada paragraph-nya yang mengatakan:

"Though Malaysia produces a variety of food crops, the country imports much of the rice, all the flour and cereal products, all the sugar, most of the milk, legumes, meat, and large amounts of fruits and vegetables. In 1965 Malaysia imported an estimated amount of one billion Malaysian dollars worth of food and food products indicating a serious imbalance between exports and imports."

Jadi, mengikut kenyataan ini, saya berasa terkejut, ia-itu 1 billion ringgit kita bawa masok bahan² makanan daripada luar negeri dalam tahun 1965. Jadi, saya berharap Kementerian ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Pertanian, supaya barang² atau hasil pertanian daripada negeri kita ini dan benda yang ada dalam negara kita ini ta' payah-lah di-bawa masok begitu banyak, kerana kita rugi pertukaran mata wang. Kalau bagini keadaan-nya, lama-kelamaan negeri kita akan susah mengenai kedudukan kewangan.

Saya berharap supaya barang² yang hendak di-masokkan ka-dalam negara kita ini di-adakan sekatan atau di-adakan quota, supaya di-masokkan barang itu ala kadar yang patut, jangan sa-hingga melebehi daripada yang patut, sa-hingga memakan pertukaran mata-wang kita kepada negara² yang lain, atau pun di-naikkan chukai yang berlebehan² supaya barang² itu tidak masok dengan bebas dalam negara kita ini, kerana dengan chara yang sa-macham ini akan menaikkan semangat petani² kita, pekebun² sayor, pekebun²

buahan² dan lain² untuk berusaha lebih giat lagi menanam bahan² makanan daripada negara kita sendiri. Dan disamping itu, di-galakkan warga-negara kita mengguna dan memakan barang² atau pun hasil daripada usaha tenaga mereka sendiri, dan elakkan daripada membeli buahan², daripada luar negeri. Dan dengan ini saya harap Kementerian ini akan menganjorkan satu gerakan sa-chara besaran² supaya tiap² warga-negara akan di-beri galakan memakan dan menggunakan barang² daripada negeri kita sendiri.

Dan juga, jikalau kita hendak mengimpotkan apple, mithal-nya, biar-lah ada satu perjanjian. Kalau apple itu hendak datang daripada Australia, Australia mesti terima di-antara satu daripada buahan² kita sa-banyak itu juga. Mithal-nya, pisang boleh di-expot, ia-itu satu jenis pisang berangan, yang mana saya tahu, di-Taiwan, mereka telah berusaha berluasan² sa-hingga mereka mengexpot ka-Tokyo dan Hong Kong, sa-hingga mendatangkan keuntungan yang besar sa-banyak \$30,000,000 sa-tahun, sa-bagaimana rambutan, papaya, durian dan lain². Dengan sa-chara mengimpot apple, kita expotkan satu jenis daripada buahan² kita kepada negeri itu dengan chara pertukaran. Sa-kurang²-nya jangan-lah *one way traffic sahaja*—bawa masuk apple, bawa masuk limau, bawa masuk pear dan lain², barang kita orang ta' mahu terima. Ini satu chara yang tidak begitu bijak. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengkaji perkara ini; barang² impot di-adakan-lah pertukaran, supaya dapat-lah juga petani² kita yang berusaha di-atas menanam buahan² ini, hasil daripada titek peloh mereka itu sendiri.

Perkara yang keempat, ia-itu muka 134, S. 13 ia-itu Perbelanjaan Pelanchongan. Pelanchongan ini, banyak-lah di-antara Ahli² telah pun menyuarakan di-dalam Dewan ini supaya Kerajaan kita berusaha dan saya harap supaya peruntukan ini di-tambahkan lagi. Kalau boleh, saya mengshorkan, ia-itu perkara pelanchongan ini di-jadikan satu lembaga, ia-itu perusahaan perkongsian di-antara Kerajaan dan orang ramai. Dengan sa-chara yang sa-

macham ini, dapat-lah lembaga atau pun surohanjaya mengusaha membuat plan, membuat ranchangan chara² yang hendak menarek pelanchong² dari luar negeri.

Di-negeri² yang lain, sa-bagaimana di-India mithal-nya, pelanchong suka pergi ka-sana kerana hendak melihat segala bangunan² atau pun bentuk bangunan² yang lama, bagaimana di-Rome, mithal-nya, atau pun di-Bangkok, ada akitek² atau pun bangunan² yang menarek. Tetapi, di-Malaysia ini bangunan² yang purbakala ta' ada yang hendak kita pertunjokkan. Juga, kalau kita hendak menarekkan pelanchong datang ka-negara kita ini, mesti-lah kita adakan benda yang istimewa yang di-lain² negara ta' ada. Jika kita ta' ada benda yang istimewa, bagaimana kuat tenaga kita berusaha pun, pelanchong ta' akan datang. Oleh itu satu daripada perkara yang boleh menarek pelanchong, ia-itu mengadakan satu Panggong Kebangsaan, atau National Theatre, supaya segala adat resam orang² dalam negara kita ini di-pertunjokkan tari-menari, musik dan lain²-nya. Perkara ini, patut pehak Kementerian ini akan berhubung dengan Perdana Menteri, supaya di-adakan peruntukan mengadakan sa-buah Panggong Negara, supaya boleh di-adakan pertunjukan tiap² hari maka pelanchong² yang datang di-sini boleh kita beri peluang kepada mereka itu melihat segala permainan, nyanyi tarian dan musik daripada beberapa kebudayaan yang ada dalam negara kita ini. Ini satu perkara yang amat patut di-selenggarakan dan patut di-adakan dengan sa-chepat mungkin.

Satu daripada perkara² yang menarek pelanchong bukan sahaja pelanchong di-luar, bahkan pelanchong di-dalam negara kita sendiri pun, patut kita chari jalan untuk menarek mereka itu, supaya mereka dapat datang ka-tempat² yang berkenaan. Sa-bagaimana kita dapati di-Eropah, ada satu tempat di-negeri-nya bernama Monte Carlo, di-Amerika Las Vegas—di-sana di-khaskan satu tempat berjudi dan di-beri lesen kepada tempat ini, dan di-kekelolakan, di-tadbir oleh sa-buah lembaga. Jadi, kalau kita hendak menarek

pelanchong, saya ingat dalam Malaysia ini patut di-pilehkan satu tempat, dan di-gezetkan satu tempat itu, dan di-beri kuasa kepada sa-buah lembaga untuk menguruskan perkara ini, supaya dapat orang² yang ingin hendak beradu nasib, sama ada untong, kalau tidak. Saya lihat di-negara Jepun, tiap² jalan ada tempat, kalau warga-negara mereka ingin hendak main judi, ada satu tempat khas. Jadi, ini satu chara . . .

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification—I wonder if my Honourable friend is aware that Islam is the State religion of this country and Islam frowns on gambling. The worthy Member is encouraging the Alliance Government to encourage not only the tourists but citizens of this country to gamble. I do not know whether that tallys with the Government.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid: Terima kasih atas tegoran Yang Berhormat itu. Saya ingat Yang Berhormat barangkali lupa, ia-itu undang² lumba kuda, ia-lah satu daripada judi, undang² tikam ekor yang ada di-rata negara kita ini yang di-anjorkan oleh Kerajaan, ini pun memang tempat judi juga. Jadi, hendak tambah satu lagi sahaja—satu tempat khas (*Ketawa*). Dalam Malaysia ini satu tempat sahaja—bukan-lah macham judi tikam ekor yang ada di-tiap² pekan itu. Jadi, ini berkenaan dengan kesalahan main judi, memang haram, di-tegah oleh undang², tetapi itu terpulang-lah kepada orang yang bukan Islam untuk main judi. Kalau orang Islam, dia ta' main judi, dia ikut perintah Tuhan, dia ta' berdosa. Jadi saya berharap-lah supaya Jabatan yang berkenaan ini, menimbangkan di-atas perkara mengadakan satu benda sa-bagai daya penarek kepada pelanchong². Sa-lagi kita ta' boleh adakan satu daya penarek kepada pelanchong², sa-luas itu-lah maka pelanchongan ini ta' dapat di-majukan.

Dr Mahathir bin Mohammad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja berkenaan dengan perbathatan atas peruntukan di-bawah Supply Head

13, Kementerian Perdagangan dan Perusahaannya. Satu daripada tanggungan² Kementerian ini, ia-lah terhadap pembeli² atau consumers yang ada di-dalam negeri ini. Kita selalu-lah mengambil berat mengenai harga² barang, terutama barang yang selalu digunakan oleh semua orang. Satu daripada benda² yang ada di-Malaysia ini yang merugikan pembeli² ia-lah chara² menimbang barang² yang di-jual di-kedai². Kita ada di-negeri ini bermacam² chara menimbang, dan sa-tengah daripada chara² ini bukan-lah chara yang di-katakan *accurate* atau pun betul. Umpama-nya, menggunakan kati, sa-chara lama—bagi orang yang mahir di-dalam menggunakan penimbangan yang sa-macham ini boleh mengecoh dan merugikan pembeli². Jadi, saya ingin mengshorkan kepada Kerajaan, ia-itu chara menggunakan penimbang yang sa-macham ini patut-lah di-haramkan dan di-gantikan dengan chara penimbang yang menggunakan spring atau pun *spring balance*, yang mana berat barang² yang di-timbang itu boleh di-bacha dengan terang-nya oleh pembeli serta juga penjual.

Kalau kita ada spring balance sa-macham ini dan juga kita sediakan di-tepi spring balance ini besi² yang tetap keberatan-nya, umpama-nya satu paun, sa-tengah paun, atau pun satu kati, sa-tengah kati, kalau-lah di-sangka oleh pembeli itu ia-itu barang yang di-jual kepada-nya itu tidak-lah chukup berat-nya, boleh-lah mereka itu mengambil mana² batu daching (*weight*) yang ada, atau satu paun-kah dan di-letakkan di-atas *spring balance* itu dan dia boleh dengan serta-merta chek, ada-kah spring balance itu betul atau tidak. Dengan chara ini sunggoh pun harga boleh berlainan di-dalam tempat ka-lain² tempat, sa-kurang²-nya kita dapat, pembeli itu dapat, membeli sa-banyak barang yang di-kehendaki oleh-nya.

Saya berharap ini di-jadikan satu undang² di-dalam negeri yang memaksa tiap² orang menjual apa² barang sa-kali pun menggunakan *spring balance* dan jangan menggunakan kati saperti mana yang kita ada sekarang ini daching.

Yang kedua, saya ingin membuat tegoran ia-lah berkenaan dengan pelan-chongan. Perusahaan pelan-chongan di-negeri ini, ia-itu tentang booth yang ada di-lapangan terbang di-Subang. Saya telah pergi ka-Subang Airport banyak kali dan booth² yang ada untuk Tourist Board ini langsung-lah tidak menarek ia-itu nampak-nya kosong sangat. Yang ada chuma dua tiga gambar menunjukkan pemandangan di-Malaysia dan kadang² ada orang yang menunggu di-situ, kadang²-nya tidak. Jadi, ini tentu-lah tidak menarek apa² perhatian pelan-chong² yang datang di-sini. Di-lain² tempat yang saya telah pergi kebanyakan daripada perhiasan yang di-adakan di-dalam booth untuk pelan-chong² ini menunjukkan chara kehidupan di-dalam sa-buah negeri itu dan apa yang patut di-lawati oleh pelan-chong², tetapi di-sini nampak tidak ada satu pun yang menarek perhatian pelan-chong² yang datang di-sini. Saya berharap-lah supaya Kementerian ini, yang mendapat peruntukan pada tahun ini, menggunakan peruntukan ini supaya di-hiasi tempat pertanyaan, tempat di-padang terbang Subang itu, supaya dapat menarek perhatian daripada pelan-chong². Sa-takat itu sahaja, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, I wish to touch first on page 121, the Industrial Development Division. Just now an Alliance back-bencher drew the attention of the Minister to his serious concern regarding the cut in the allocation for the I.D.D. or I.D.U. as compared with last year. As one looks a little closer at these Estimates, one finds that the loss in the allocation of about \$12,000 is mainly accounted for by item (15), that is two Superscale Posts "H" have been cut down to one. I gather that the villain of the piece here is not the Ministry of Commerce and Industry but the wretched Treasury, who in its wisdom has sought to economise in the wrong places, as is typical of the Treasury.

Just now the Alliance backbencher also said that we are known inter-nationally, our industrial programme is known the world over. I am not that

optimistic, but I think that we have still a long way to go in industrialisa-tion, and this cut makes a hollow mockery of the protestations of progress in this country in industrialisation. It may be that the Ministry of Commerce and Industry is forced to cut down one of these posts in the sacred name of economy. If it is economy that is needed, perhaps, in passing I may mention that there are some places where economy can be effected with-out these posts being deleted from the Estimates. The other thing Mr Chair-man, Sir, is that what is needed for this I.D.U. is not a reduction in its allocation, not a reduction in the bodies of that Unit, but an increase in bodies of persons, who are qualified to step up the pace of industrialisation in this country. Again, I repeat that one does not step up the pace of industrialisation by cutting down persons, who can contribute usefully to industrialisation in this country.

I notice also that on page 134, Sub-head 5, the paltry sum of \$15,000 is allocated for O.C.A.R. Again, this is a matter of concern. I would have thought that the pace of industrialisa-tion is stepped up and one hears continuously that this is being stepped up whenever a factory is being opened up, whether it is the C.C.M., whether it is a flour mill, or even a small cottage industry. We are told con-tinuously that industrialisation is being stepped up, but cutting down of posts, cutting down of the total alloca-tion and not increasing the allocation, as in the case of O.C.A.R., is not the way of stepping up industrialisation.

The other thing I wish to touch on by way of comparison with this cut, is on page 123, where to me at least there is a super abundance of officers of that Division. I have added up all the officers down there up to Super-scale, and I notice that there are 25 officers up to Assistant Controllers of which four of them are Superscale officers. This is where I am told that members of the Division go on jaunts round the world, they go on orbital flights very often, and if the Minister will cut down on the orbital flights of

the people of the Trade Division and, perhaps, effect an economy here and there is the Trade Division, then of course he can easily increase the number of officers in the I.D.U. Here, Mr Chairman, Sir, I wish to quote a letter which was placed on my table this morning regarding trade and tariffs and the like in this country. With your permission, Mr Chairman, Sir, I shall quote this letter:

"The local papers have reported the opinion of the public. The feed millers and the end consumers, that is the farmers and the rural people whose important income is derived from poultry farming, and who are badly hit by the so-called promotion of the industry. Just one or two flour mills are in existence at the expense of the public and the reasons are fully given in the local papers. The two flour mills, just one operating now, unilaterally claim unjust support from the Minister of Commerce and Industry at the serious expense of the public, hence causing the price rocketing and shortage of rice bran and wheat bran. The Lumut Flour Mill is 98 per cent owned by the foreign capital."

Here, Mr Chairman, Sir, I do not know about this, I am merely quoting this letter for what it is worth.

"Therefore, this one flour mill in Lumut Black-mails the local market by creating acute shortage and at the same time selling their wheat bran for export market. At the same time, the Government imposed import restrictions allowing 25 per cent import last year, presently 40 per cent. The local papers also carried a report of the Minister of Agriculture visiting the feed mills in Johore and his strong support to abolish the quota for the import of ingredients for animal feeds, hence supporting the income of the farmers and the rural people. The present 40 per cent import restriction should be relaxed to 80 per cent or totally removed. What guarantee have the flour mills given the consumers, when they can freely export the wheat bran and the flour when there is a shortage of flour supply in the local market? Wheat bran cannot replace the rice bran totally for poultry farming, and the Director of Veterinary can confirm this. Wheat bran is sold at \$15 per picul, and the rice bran at \$10.50 per picul."

Mr Chairman, Sir, if what the writer of this letter says is true, then either way it looks to me that in industrialisation the consumer suffers. In the first place, with rapid industrialisation here, virtually the entrepreneurs have a captive market at their disposal. Next, if they can find a more lucrative return from the export market, then, despite

the shortage of goods domestically, they start exporting and then at the same time they ask the Minister to place a clamp, on various goods that are needed in this country. And here, incidentally, this is one occasion when two Ministers clash in public. The Minister of Commerce and Industry, of course, is all for industrialisation, he is all for quotas, he is all for tariffs, while the Minister of Agriculture, who perhaps knows the rural people a little more, has come out with an outright condemnation of this quota and of this tariff where animal feeds are concerned. I commend this, Mr Chairman, Sir, to the Minister of Commerce and Industry. I suggest that if what the writer of this letter says is true, then he should immediately place a clamp on the export of wheat bran, until the domestic market is completely catered for before he embarks on perhaps a more lucrative trade outside.

Mr Chairman, Sir, I come now to page 123, the Trade Division—I refer specifically to the various posts in items (79) to (86)—and I wish to touch on this matter of the textile industry. The Minister of Finance in his Budget speech, in his wisdom, has stated that the tariff imposition is "the weapon" that we must use with greater intensity. Now, I have pointed out, Sir, that tariff walls are a double edged weapon. The Member for Penang Selatan or Seberang Prai, has pointed out that when we buy apples, we should sell "pisang" in return. Well, if we go on putting more barriers here and there, Australia would not even want to consider the two way traffic. They can say, "We can export out apples elsewhere, if you do put tariff walls." Now, the fact is this, Mr Chairman, Sir, the moment you put a barrier that foreign goods have to climb to enter your country, then the other side, which buys your goods, also will do the same thing and will also put up a barrier and say, "All right, you want to come in, please climb over this wall". And so, where do we go? It is a double-edged weapon. I would say that tariffs should be used with great discretion, that we should think very carefully about setting up

tariff barriers because we are so vulnerable—our primary products are literally at the mercy of the capitalists elsewhere, and if they choose to put a barrier on rubber and tin, I shudder to think of the consequences to this country.

